



للافوران واوسن بروني ٢٠٣٥

LAPORAN WAWASAN BRUNEI 2035
2015 - 2022

© Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 @ 2023

Dihasilkan oleh
Pejabat Wawasan Brunei selaku Urusetia Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

Maklumat Berkenaan Hak Cipta:

Penerbitan ini tidak boleh dicetak / diterbitkan semula, disimpan atau dihantar dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035.

Sebarang penggunaan semula isi kandungan atau bahan dari buku ini adalah ditegah kecuali mendapat kebenaran / persetujuan daripada Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



لافوران واوسن بروني ٢٠٣٥

LAPORAN WAWASAN BRUNEI 2035
2015 - 2022



TITAH PENGERUSI MAJLIS TERTINGGI WAWASAN BRUNEI 2035

**السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ**

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan Izin-Nya juga, Negara telah melaksanakan pelbagai perubahan bermakna yang membawa kepada kelangsungan pembangunan dan kemakmuran, meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan Negara Brunei Darussalam. Aspirasi masa depan Beta adalah Wawasan Brunei 2035, iaitu agar Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah Negara yang dikenali mempunyai penduduk yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; menikmati kualiti kehidupan yang tinggi; dan mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Sejak 2014, Beta telah mengamanahkan Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 (MTWB) untuk memantau dan meneliti usaha ke arah mencapai Wawasan masa depan ini. Penerbitan Laporan Wawasan Brunei 2035 (2015-2022) ini merupakan satu *milestone* penting bagi MTWB mengongsikan usaha dan inisiatif yang telah dijalankan dalam mencapai hasrat negara bagi Wawasan Negara. Ini adalah penting kerana dengan mendokumen dan mengongsikan perkembangan dan usaha-usaha dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035, semua pihak termasuk di sektor kerajaan, swasta, dan pertubuhan bukan kerajaan serta rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, akan dapat sama-sama berusaha dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035. Beta menaruh harapan semua pihak akan berusaha merealisasikan visi negara ini dengan penuh iltizam, mencari jalan yang terbaik dan sentiasa bersikap bersedia untuk berhadapan dengan ketidakpastian masa depan.

Beta merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat atas kerja-kerja dan usaha gigih dalam mencapai hasrat Wawasan Brunei 2035 dan berharap semua pihak akan terus komited untuk memastikan tanggungjawab dalam mencapai hasrat Negara menjelang tahun 2035. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan memberkati dan melimpahkan rahmat dan hidayat-Nya kepada kita semua. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**



“ Wawasan Brunei 2035 adalah merupakan aspirasi Beta sendiri bagi melihat pembangunan negara berjalan lancar. Pada awalnya Wawasan diterbitkan melalui Badan Perencana Kemajuan Jangka Panjang bagi merancang pembangunan negara dalam tempoh 30 tahun ke hadapan. Beta difahamkan pelbagai usaha sudahpun dijalankan bagi merealisasikan Wawasan 2035 ini. Namun persoalannya, sejauh manakah usaha telah berhasil sedang tempoh cuma tinggal 12 tahun sahaja lagi. ”

*Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 Kali Pertama
bagi Tahun 2023 pada 30 Rejab 1444 bersamaan 21 Februari 2023*

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri
selaku Timbalan Pengerusi Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035
berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat-Mesyuarat berkaitan Wawasan Brunei 2035



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku
Timbalan Pengerusi Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 berkenan berangkat melawat sekolah-sekolah
dan institusi-institusi pendidikan bagi memantau perkembangan usaha mencapai Wawasan Brunei 2035





“ Di samping untuk mencapai Wawasan 2035 dalam bidang fizikal, kita juga ingin meraih rahmat dan keberkatan dalam semua aspek kehidupan. Kita turut menginginkan sebuah negara yang benar-benar memenuhi ciri-ciri ‘Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur’, yang sejahtera lagi bahagia di bawah pemeliharaan Allah ”

*Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-30 pada 23 Februari 2014*

Sumber foto: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

RINGKASAN EKSEKUTIF

Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemajuan yang menggalakkan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035. Dalam meneruskan perjalanan menuju ke tahun 2035 dan tahun-tahun seterusnya, kerjasama dan komitmen padu daripada semua pihak perlu diteruskan bagi sama-sama menjayakan dan mencapai sasaran-sasaran Wawasan yang dihasratkan.



Laporan Wawasan Brunei 2035 menghuraikan perkembangan pelaksanaan dan pencapaian Wawasan Brunei 2035 bagi tempoh tahun 2015 hingga 2022. Penelitian yang telah dilaksanakan memfokuskan kepada analisa masa ini berdasarkan usaha yang telah dilaksanakan terutama sekali dalam mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035. Analisa mengambilkira serta meneliti jurang pelaksanaan terutama sekali antara apa yang dirancang dengan apa yang telah dilaksanakan. Laporan disediakan dengan mengambilkira data dan maklumat yang diterima daripada kementerian-kementerian, agensi-agensi pelaksana serta pihak-pihak berkepentingan yang turut terlibat dalam usaha menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Laporan juga memberikan gambaran mengenai tren, cabaran dan peluang masa depan dalam landskap dunia yang pantas berubah, semakin mencabar dan kompetitif.

Ini bertujuan agar semua pihak akan lebih bersedia bagi kemunculan gelombang tren mega seperti Revolusi Industri ke-4 (IR 4.0) dan seterusnya, perubahan iklim, ekonomi digital yang dipacu oleh *Internet of Things* (IoT) dan lain-lain yang akan menawarkan peluang, cabaran mahupun norma baru. Dengan lebih mengetahui tren baharu, negara ini akan dapat memanfaatkan peluang untuk lebih bersedia berhadapan dengan perubahan masa depan.

Secara am, penelitian ke atas Wawasan Brunei 2035 bagi tempoh tahun 2015 hingga 2022 menunjukkan bahawa terdapat perkembangan baik dalam beberapa aspek tertentu dalam ketiga-tiga Matlamat Wawasan Brunei 2035, yang saling mendukung dan berhubungkait. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang bagi penambahbaikan untuk mengukuhkan lagi pencapaian Wawasan Brunei 2035 secara holistik dan sepadu. Dengan itu, negara akan dapat meneruskan usaha mencapai Wawasan Negara mengikut trajektori yang dihasratkan.



Rumusan Eksekutif Matlamat 1

RAKYAT YANG BERPENDIDIKAN, BERKEMAHIRAN TINGGI DAN BERJAYA

Pelbagai inisiatif dan projek telah dan giat dijalankan oleh pihak-pihak yang berkepentingan bagi mencapai hasrat negara untuk membangun satu sistem pendidikan kelas pertama dan memberikan pendidikan holistik bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Ini termasuklah menyediakan pendidikan yang berkualiti dan menyediakan akses yang sama dan saksama kepada setiap pelajar, termasuk pelajar yang berkeperluan khas dan meneruskan pembelajaran sewaktu pandemik COVID-19. Usaha juga tertumpu kepada meningkatkan kompetensi sumber manusia ke arah *work* dan *future ready* serta meningkatkan kemahiran (*upskilling*) dan kemahiran semula (*reskilling*) dengan program yang sentiasa relevan dan memenuhi keperluan industri.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA) pada tahun 2018 merupakan penyertaan pertama negara dalam penilaian berskala besar di peringkat antarabangsa. Penyertaan ini menjadi simbol komitmen bagi meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini. Secara keseluruhan, Negara Brunei Darussalam berada di tangga ke-53 daripada 77 buah negara yang tersenarai. Ini merupakan pencapaian yang baik.

Prestasi akademik pelajar-pelajar dalam peperiksaan awam, secara amnya, mencatatkan peningkatan pada beberapa tahun kebelakangan, termasuk peperiksaan ugama iaitu *Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama*. Pengukuhan literasi dan numerasi pelajar diberi keutamaan tinggi melalui pelbagai inisiatif, termasuk pengenalan *Brunei Darussalam Literacy and Numeracy National Standards* dan Program Bimbingan Literasi dan Numerasi. Antara aspek yang ditekankan adalah kepentingan kualiti tenaga pengajar dan institusi-institusi pengajian melalui pengenalan *Brunei Teachers' Standards*, Sistem Penilaian Prestasi Guru dan *Whole School Evaluation*.

Di peringkat Pendidikan Tinggi, usaha bagi meningkatkan kadar kemasukan pelajar-pelajar ke pasca-menengah adalah mendatar bagi beberapa tahun kebelakangan. Analisa mengenal pasti perlunya pensejajaran kursus-kursus secara berterusan dengan keperluan industri agar ia sentiasa relevan. Di peringkat pengajian tinggi, kedudukan beberapa universiti negara telah meningkat dalam *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings*. Ini menggambarkan usaha berterusan pihak-pihak berkenaan untuk menyampaikan pendidikan berkualiti tinggi.



Pencapaian Utama Matlamat 1

- Negara berada di tangga ke-53 daripada 77 negara dalam **PISA**
- Peningkatan **pencapaian pelajar** dalam peperiksaan utama di peringkat rendah dan menengah, yang mana 45.8% pelajar (calon sekolah) mendapat sekurang-kurangnya 5 Kredit dalam Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE pada tahun 2022 berbanding 39.1% pada tahun 2014
- **Sistem pendidikan teknikal dan vokasional** distruktur semula bagi memastikan ianya lebih responsif dan relevan kepada keperluan industri
- Peningkatan *ranking universiti-universiti tempatan* dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings
- Pengenalan program atau kursus khusus bagi **reskilling** dan **upskilling** berdasarkan keperluan industri

Kadar graduan bagi pengajian tinggi, termasuk pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional telah melebihi 85% pada beberapa tahun kebelakangan. Usaha sekarang tertumpu kepada memastikan graduan-graduan adalah *employable* dan dilengkapi dengan kompetensi-kompetensi yang diperlukan oleh pihak industri. Walau bagaimanapun, terdapat keimbangan mengenai belia berumur 15 ke 24 tahun yang dikategorikan sebagai '*Not in Employment, Education or Training* (NEET)'. Analisa mendapati bahawa kebanyakkan belia di bawah kategori ini mempunyai kelulusan tertinggi pada peringkat menengah sahaja.

Bagi memastikan negara akan mencapai visi menjelang tahun 2035, usaha perlu menjurus kepada memantapkan ekosistem pendidikan dan latihan bagi pembangunan tenaga manusia agar '*fit for purpose for today and the future*', selaras dengan hasrat menghasilkan tenaga kerja yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi.

Ke arah itu, pengukuhan asas pelajar dan memastikan setiap pelajar akan mencapai kompetensi yang diharatkannya bagi pembelajaran mereka adalah penting, dengan mengambil kira kadar pembelajaran dan perkembangan (*pace of learning and development*) masing-masing.

Persediaan pelajar-pelajar untuk suasana kerja masa depan dalam revolusi industri ke-4 dan seterusnya serta fokus kepada aplikasi pengetahuan pelajar dalam situasi kehidupan sehari-hari amat diperlukan. Ini akan membantu ke arah mencapai hasrat untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi yang akan lebih bersedia untuk suasana kerja masa depan yang akan pesat berubah. Pensejajaran berterusan di antara pendidikan dan keperluan industri adalah penting bagi memastikan kemahiran tenaga kerja sentiasa relevan dan menepati keperluan ekonomi dan seterusnya mendukung pertumbuhan ekonomi negara.



Sumber foto: Jabatan Penelangan, Jabatan Perdana Menteri

Rumusan Eksekutif Matlamat 2 KUALITI KEHIDUPAN RAKYAT YANG TINGGI

Matlamat 2 Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk menjadikan negara dikenali dengan Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi dengan sasaran menjadikan negara antara 10 tangga teratas di dunia menurut Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index*), United Nations Development Programme menjelang tahun 2035. Indeks mengukur pencapaian secara purata dalam tiga dimensi utama pembangunan manusia, iaitu kehidupan yang panjang dan sihat, berpengetahuan, dan mempunyai taraf hidup yang baik.

Menurut Indeks Pembangunan Manusia tersebut, Negara Brunei Darussalam berada di tangga ke-51 daripada 191 buah negara pada tahun 2021 dengan skor 0.829. Indeks tersebut mengandungi indikator-indikator tertentu seperti *mean years of schooling*, *expected years of schooling*, kadar jangka hayat dan *Gross National Income Per Capita* (GNI).

Banyak kemajuan dan pembangunan yang telah dicapai dan dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang menyumbang kepada peningkatan kualiti kehidupan dan kesejahteraan.

Pencapaian ini terhasil daripada inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat sentiasa terjamin. Ianya merangkumi penyediaan dan akses kepada kesihatan dan pendidikan, infrastruktur dan kemudahan awam, kebijakan dan kemasyarakatan, keselamatan, alam sekitar, pemberian perkhidmatan awam dan teknologi infokomunikasi untuk mencapai tahap kualiti kehidupan yang lebih baik seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Keprihatinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil berat terhadap kebijakan rakyat di negara ini memberikan impak positif terhadap kesejahteraan awam dan menjadi pemangkin kepada pembangunan negara yang lebih berdaya tahan, inklusif dan dinamik melalui usaha-usaha yang bersepadu iaitu *Whole-of-Government* dan *Whole-of-Nation* dengan penglibatan sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang ramai.



Pencapaian Utama Matlamat 2

- Pada tahun 2021, Negara Brunei Darussalam berada di **tangga ke-51** daripada 191 buah negara dalam Indeks Pembangunan Manusia, *United Nations Development Programme*
- Pelbagai usaha dilaksanakan untuk **mengukuhkan jaminan sosial dan perlindungan** kepada golongan tertentu
- Peningkatan usaha-usaha ke arah menjadi sebuah **negara lestari** seperti Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik dan Protokol Hijau
- **Transformasi perkhidmatan awam** khususnya penyediaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seperti perkhidmatan dalam talian
- Penyediaan **infrastruktur, kemudahan awam dan sistem perhubungan** seperti pembinaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Dengan adanya **infrastruktur dan kemudahan awam yang berdaya tahan serta akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan di sektor awam dan swasta**, negara mencapai perkembangan dalam memberikan keselesaan dan perlindungan sosial kepada rakyat dan penduduk di negara ini yang akan terus diberi keutamaan oleh pihak kerajaan. Ini secara langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat selaras dengan Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melaksanakan pendekatan yang penting dalam meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat dengan menambahbaik kualiti perkhidmatan-perkhidmatan dalam penjagaan kesihatan dan bantuan kebajikan. Dari aspek keselamatan, banyak pencapaian dikecapai khususnya dalam memastikan dan menjamin keselamatan dan keamanan negara, seperti membanteras jenayah dan mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang. Usaha-usaha lain turut dilaksanakan bagi memastikan keselamatan di tempat kerja, penjagaan alam sekitar, dan penyediaan prasarana perhubungan seperti jalan raya, air dan udara.

Pencapaian dan kemajuan ini telah menyumbang kepada kestabilan negara dan perpaduan yang harmoni di kalangan masyarakat, termasuk hubungan negara di peringkat dua hala, serantau dan antarabangsa. Alhamdulillah, kejayaan yang dicapai sangat membanggakan walaupun negara menghadapi banyak cabaran daripada perubahan persekitaran global, seperti usaha dalam menangani wabak COVID-19.

Kemajuan, kemakmuran dan kestabilan yang telah dicapai adalah berkat pegangan negara yang sentiasa teguh kepada nilai-nilai teras Melayu Islam Beraja dan konsep Negara Zikir yang diamalkan turun-turun. Agama Islam sentiasa dimartabatkan sebagai pegangan dan panduan dalam pemerintahan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berpandukan kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah mengikut kefahaman Ahli Sunnah Wal-Jama'ah dan Mazhab Shafiee, yang menyatakan kehidupan masyarakat di Negara Brunei Darussalam menjadi aman damai dan harmoni.

Oleh itu, adalah penting bagi memastikan momentum ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat berterusan secara Whole-of-Nation dan mengenalpasti keutamaan-keutamaan masa depan dalam usaha bagi memastikan semua rakyat dan penduduk di negara ini khususnya generasi masa depan dapat berterusan menikmati kualiti hidup yang terbaik.



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Rumusan Eksekutif Matlamat 3

EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035 berhasrat untuk menjadikan pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang dinamik dan berdaya tahan, dengan mensasarkan negara untuk berada di kedudukan antara 10 negara teratas di dunia dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar per kapita berasaskan *Purchasing Power Parity* atau KDNK per kapita (PPP). Kedayahtahanan ekonomi adalah penting kerana pembangunan negara yang dikecapai pada masa kini akan diwarisi oleh generasi akan datang. Oleh itu, nikmat-kualiti kehidupan yang dinikmati pada masa kini juga hendaklah turut dinikmati sama oleh anak-anak generasi masa hadapan.

Prestasi ekonomi Negara Brunei Darussalam pada masa ini adalah amat bergantung kepada sektor minyak dan gas sebagai sumber eksport dan hasil pendapatannya. Ini adalah jelas dalam kedudukan Negara dari segi KDNK per kapita (PPP), iaitu menduduki tangga ke-10 daripada 195 buah negara pada tahun 2021 berpandukan kepada Laporan *World Economic Outlook October 2022* keluaran *International Monetary Fund* (IMF). Dengan pergantungan yang tinggi terhadap sumber hidrokarbon, negara mudah terdedah kepada cabaran kejutan ekonomi *global* dan seterusnya memberi implikasi besar ke atas kehidupan rakyat di negara ini.

Pada tahun 2021, ekonomi negara telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.6%. Sektor Bukan Minyak dan Gas meningkat sebanyak 2.0% khususnya berikutan peningkatan aktiviti hiliran Sektor Pengeluaran Produk Petroleum dan Kimia, serta Sektor Perikanan. Sektor Minyak dan Gas pula mencatatkan penurunan sebanyak 4.8% berikutan penurunan pengeluaran minyak mentah dan gas. Pada tahun 2022, ekonomi negara dijangka meningkat secara positif mengambil kira hasil pengeluaran dari industri hiliran minyak dan gas (*downstream*) bagi Projek Loji Penapisan Minyak dan Petrokimia Hengyi di Pulau Muara Besar bagi Fasa Pertama dan kilang *Brunei Fertilizer Industries* dengan pengeluaran urea pertamanya pada awal tahun 2022.

Kebergantungan kepada sektor tunggal iaitu Sektor Perlombongan Minyak dan Gas, di samping kemunculan kejutan-kejutan global seperti perubahan iklim sejagat yang semakin meningkat, wabak-wabak penyakit dan perubahan yang tidak dijangka di dalam pasaran-pasaran komoditi seperti pasaran minyak, emas dan komoditi perlombongan lainnya, akan memberikan kesan jangka panjang ke atas kesejahteraan dan kualiti kehidupan penduduk dunia dari segi kesihatan dan sosio-ekonomi.



Pencapaian Utama Matlamat 3

- Pada tahun 2021, Negara berada di **tangga ke-10 daripada 195 buah negara** dari segi KDNK per kapita (PPP)
- Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan **pertumbuhan positif** sejak tahun 2017
- **Penyediaan dan pelaksanaan pelan-pelan bagi pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi** seperti Brunei Darussalam *Economic Blueprint 2020-2035, Industry Roadmap* dan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025
- Pelbagai inisiatif dilaksanakan untuk **mengurangkan kadar pengangguran negara** dan menjadikan para belia 'marketable and employable' seperti program-program i-Ready dan kursus-kursus latihan kemahiran di bawah Pusat Pembangunan Belia dan *JobCentre Brunei*

Oleh itu, terdapat keperluan untuk melaksanakan strategi pembangunan yang berdaya tahan dan usahasama-usahasama yang lagi kukuh antara pihak kerajaan dan sektor swasta, lebih-lebih lagi dengan adanya iklim ekonomi masa ini yang sangat berdaya saing dan cepat berubah. Ke arah itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan terutama melalui penggubalan *Brunei Darussalam Economic Blueprint 2020-2035* yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi, yang diharap akan dapat memberikan perancangan pembangunan ekonomi dan pelaksanaan strategi dan inisiatif yang lebih bersepadan daripada kesemua pihak. Selain strategi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi melalui usaha-usaha yang bukan sahaja memfokuskan kepada peningkatan pengeluaran hasil utama negara malah gandingan dari peningkatan penghasilan sektor-sektor lainnya khususnya daripada sektor bukan minyak dan gas perlu dipertingkatkan.

Ini ditambah lagi dengan penekanan aspek perubahan tren semasa serta penggunaan teknologi terkini di samping mewujudkan rangkaian kerjasama perdagangan di peringkat antarabangsa khasnya berkaitan aktiviti pengeksportan. Apa yang jelas ialah kesan limpahan positif kepada menggalakkan pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment, FDI*); meningkatkan peluang-peluang perniagaan khususnya kepada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan; penyediaan peluang pekerjaan bagi warga tempatan, dan lebih penting lagi, memastikan keadaan makroekonomi negara agar terus stabil. Dengan itu, usaha-usaha mempelbagaikan ekonomi masih menjadi keutamaan pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

LAPORAN WAWASAN BRUNEI 2035 2015 - 2022

Dokumen melihat perkembangan Wawasan Negara dalam tempoh tahun 2015 hingga 2022 dan mengenalpasti perkara-perkara yang diperlukan bagi tahun-tahun seterusnya. Dokumen juga mengambil kira cabaran dan tren-tren global semasa dan masa depan. Maklumat yang terkandung dalam dokumen ini adalah tepat dan terkini setakat tarikh percetakannya.



ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

- | | |
|---|-----------|
| ▪ Wawasan Brunei 2035 | 20 |
| ▪ Struktur Urustadbir Wawasan Brunei 2035 | 21 |

BAHAGIAN 2

PENCAPAIAN WAWASAN BRUNEI 2035

- | | |
|---|-----------|
| ▪ Matlamat 1 : Rakyat Yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya | 26 |
| ▪ Matlamat 2 : Kualiti Kehidupan Rakyat Yang Tinggi | 40 |
| ▪ Matlamat 3 : Ekonomi Yang Dinamik dan Berdaya Tahan | 58 |

BAHAGIAN 3


MENUJU KE ARAH 2035

- | | |
|---------------------------------|-----------|
| ▪ Langkah Ke Hadapan | 68 |
| ▪ Ketersediaan Untuk Masa Depan | 78 |

BAHAGIAN 4

PENUTUP

- | | |
|--------------|-----------|
| ▪ Kesimpulan | 82 |
|--------------|-----------|



“ Sebagai sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan ‘Maqasid Syar’iah’ adalah menjadi pra-syarat kepada kejayaan negara. Pengukuhan ini penting, sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan ”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-34 pada 23 Februari 2018

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



BAHAGIAN 1

PENGENALAN

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

WAWASAN BRUNEI 2035

Menjelang tahun 2035, Negara Brunei Darussalam akan dikenali dengan:



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

MATLAMAT 1 RAKYAT YANG BERPENDIDIKAN, BERKEMAHIRAN TINGGI DAN BERJAYA

Hasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara maju sangat bergantung kepada modal insan yang mempunyai pendidikan, kemahiran dan kompetensi yang tinggi; menepati keperluan pasaran dan ekonomi; serta mempunyai nilai kebangsaan yang murni berdasarkan konsep negara Melayu Islam Beraja.

- Diukur menurut piawaian antarabangsa tertinggi



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

MATLAMAT 2 KUALITI KEHIDUPAN RAKYAT YANG TINGGI

Tahap kualiti hidup rakyat yang tinggi setanding dengan keperluan sebuah negara maju dengan mengadakan persekitaran kehidupan yang kondusif bagi rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Beberapa aspek menjadi tumpuan utama termasuk kemudahan-kemudahan dan infrastruktur penting, keselamatan negara, pemedulian terhadap alam sekitar dan menyediakan kemudahan dukungan penting yang diperlukan oleh semua lapisan masyarakat.

- Dalam kalangan 10 buah negara teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia, *United Nations Development Programme*

MATLAMAT 3 EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

Negara untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi di samping mengembangkan kepelbagaiannya sektor bagi melonjakkan ekonomi ke peringkat yang lebih tinggi demi mencapai kemajuan serta kemakmuran yang berdaya tahan. Wawasan Brunei 2035 memberikan penekanan yang penting dalam mengukuhkan ekonomi negara agar setaraf dengan negara berpendapatan tinggi.

- Dalam kalangan 10 negara teratas dari aspek Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) per kapita (*purchasing power parity*)



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

STRUKTUR URUSTADBIR WAWASAN BRUNEI 2035

Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 (MTWB)

Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 (MTWB) ditubuhkan pada tahun 2014. Peranan MTWB adalah sebagai Agensi Utama bagi memastikan agenda pembangunan negara diselaraskan di peringkat tertinggi dengan lebih sistematik serta berkesinambungan menerusi pendekatan *Whole-of-Government*. Ini dilaksanakan melalui penetapan hala tuju dan dasar serta pemantauan yang holistik. Pada masa itu, MTWB dipengerusikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli terdiri daripada Menteri-Menteri Kabinet dan Timbalan-Timbalan Menteri tertentu, manakala Setiausaha adalah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-ahli dipertanggungjawabkan dalam mengenalpasti matlamat-matlamat strategik, menyediakan dan melaksanakan pelan-pelan tindakan ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Urusetia kepada Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035

Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 di awal penubuhannya pada tahun 2015, berfungsi khusus sebagai urusetia kepada Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035. Selain daripada peranan sebagai urusetia kepada MTWB, urusetia juga bertanggungjawab dalam memantau dan memastikan pencapaian setiap inisiatif dan strategi di bawah Kementerian-Kementerian yang menjurus kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035. Urusetia juga berperanan dalam pemberigaan maklumat dan perkembangan terkini Wawasan Brunei 2035 ke seluruh lapisan masyarakat Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 2020, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035 dikenali sebagai Pejabat Wawasan Brunei.

Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035

Pelancaran dan penggunaan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 mulai tahun 2016 bertujuan bagi membantu Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 dalam mengurus dan memantau agenda pembangunan negara dengan lebih fokus dan holistik, sebagai satu pemantauan perkembangan secara bersistematis.

Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 memberi panduan dalam pelaksanaan usaha-usaha ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 serta mewujudkan sistem pemantauan, penilaian dan pelaporan keberhasilan berdasarkan hasil pencapaian. Kerangka Kerja juga berperanan sebagai panduan dalam memastikan tindakan yang dirancang pada peringkat kementerian atau agensi pelaksanaan dijana sejajar dengan hasil pencapaian yang diharapkan.

Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 menghuraikan fokus utama usaha-usaha pembangunan di peringkat kebangsaan bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035, melalui hasil pencapaian dan bidang utama yang hendak dicapai dan petunjuk-petunjuk prestasi utama (*Key Performance Indicators, KPI*) melalui sasaran dan trajektori yang ditetapkan dalam mengukur prestasi negara bagi setiap hasil pencapaian.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja Wawasan Brunei 2035

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara Kali Pertama bagi Tahun 2020 pada 3 Safar 1442 bersamaan 21 September 2020:

“ Beta juga turut mengambil maklum bahawa *Economic Blueprint* bagi Matlamat Ke-3 dalam Wawasan Brunei 2035 telahpun disediakan. Sehubungan itu, Beta berharap akan dapat melihat wujudnya *Manpower Blueprint* bagi Matlamat Pertama dalam Wawasan yang akan diterajui oleh Kementerian Pendidikan dan *Manpower Planning and Employment Council*, dan *Social Blueprint* bagi Matlamat Ke-2 pula, akan diterajui oleh Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) ”,

Penubuhan Jawatankuasa Kerja *Manpower* Wawasan Brunei 2035, Jawatankuasa Kerja *Social* Wawasan Brunei 2035, dan Jawatankuasa Kerja *Economic* Wawasan Brunei 2035 dihasratkan bagi mendukung perancangan, pelaksanaan dan pemantauan *Blueprints* Wawasan Brunei 2035. Ini akan mengukuhkan lagi mekanisma urustadbir Wawasan Brunei 2035 dan memastikan penyelarasan dan penyatupaduan *Manpower*, *Social* dan *Economic Blueprint* dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan perkembangan Wawasan Negara. Fokus utama Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

JKK *Manpower Blueprint*

Jawatankuasa Kerja *Manpower Blueprint* memastikan pembangunan dan kemantapan tenaga manusia. Ini termasuk penelitian ke atas aspek-aspek berkeutamaan seperti penambahbaikan kualiti pendidikan ke arah keberhasilan pendekatan kecemerlangan institusi pendidikan, memperkuuhkan pendekatan berkaitan pembelajaran sepanjang hayat, dan transformasi teknikal dan vokasional bagi memenuhi permintaan industri serta meningkatkan kecekapan pasaran tenaga kerja yang disejajarkan dengan matlamat dan hala tuju pembangunan ekonomi.

JKK *Social Blueprint*

Jawatankuasa Kerja *Social Blueprint* meneliti serta membentuk aspirasi-aspirasi berkaitan pembangunan dan jaminan sosial khususnya ke arah memelihara kesejahteraan yang mampan bagi setiap rakyat dan penduduk di negara ini. Antara bidang utama yang diberikan fokus adalah dalam memastikan kelestarian alam sekitar, meningkatkan penghayatan dalam pengamalan nilai-nilai murni, usaha-usaha ke arah melahirkan masyarakat yang resilien dan mandiri, pengukuhan jaringan keselamatan sosial dan memelihara kesejahteraan rakyat.

JKK *Economic Blueprint*

Jawatankuasa Kerja *Economic Blueprint* memastikan pembangunan dan pengukuhan kedayahtahanan ekonomi sebagai dukungan kepada usaha-usaha yang berimpak tinggi ke arah kepelbagai dan pertumbuhan ekonomi yang dinamik serta mampan.

66


Pengemaskinian keahlian Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 adalah merupakan wadah strategik yang Beta harapkan akan menjadikan majlis sebagai landasan utama *Whole-of-Government*. Dengan adanya keahlian semua Menteri-Menteri Kabinet diharapkan akan dapat mencetuskan pemikiran-pemikiran besar serta transformatif ke atas menjana kesejahteraan rakyat dan penduduk serta memastikan kemakmuran negara dipertahankan.

99

*Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
pada Mesyuarat Pertama Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035
pada 30 Rejab 1444 bersamaan 21 Februari 2023*

Struktur Urustadbir Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035

Pada 1 Disember 2022, struktur Urustadbir Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 diperkemaskinikan seperti berikut:



Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 dipengerusikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Timbalan Penggerusi adalah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. Ahli-Ahli terdiri dari Menteri-Menteri Kabinet, manakala Setiausaha Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 adalah Setiausaha Tetap (Wawasan) Jabatan Perdana Menteri dan Ketua Urusetia adalah Pengarah Pejabat Wawasan Brunei.



“ Barangsiapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah SWT akan memudahkan baginya jalan menuju syurga ”

Hadith Riwayat Muslim

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

BAHAGIAN 2

PENCAPAIAN WAWASAN BRUNEI 2035




Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

MATLAMAT 1: RAKYAT YANG BERPENDIDIKAN, BERKEMAHIRAN TINGGI DAN BERJAYA

Kedudukan negara dalam piawaian antarabangsa, *Programme for International Student Assessment (PISA)* keluaran OECD, merupakan satu indikator bagi menyukat pencapaian negara di bawah matlamat 1 Wawasan.

53
KEDUDUKAN PISA,
2018



Sumber: Organisation for Economic Co-operation and Development, 2018

PISA memberikan gambaran mengenai kompetensi pelajar berusia 15 tahun dalam bacaan, matematik dan sains. Pada penyertaan pertama, negara menduduki tangga ke-53 daripada sejumlah 77 buah negara yang menyertai PISA 2018.

PENCAPAIAN

Negara terus komited dalam membangun modal insan yang berkualiti tinggi. Aspirasi negara adalah bagi memastikan sistem pendidikan kelas pertama yang holistik dan berfokus kepada memastikan pelajar-pelajar di semua peringkat dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran semasa, di samping berpegang kepada nilai-nilai Melayu Islam Beraja. Sistem pendidikan dan latihan yang kukuh akan dapat memastikan kesemua individu mempunyai peluang untuk berkembang maju mengikut potensi masing-masing dan menjadi tenaga kerja yang produktif dan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan ekonomi dan negara.

USAHA KE ARAH MEMPERKUKUHKAN SISTEM PENDIDIKAN

Literasi dan Numerasi Pelajar-Pelajar

Program pembelajaran awal kanak-kanak yang berkualiti tinggi dapat memberikan pulangan yang tinggi dalam hasil pembelajaran di semua peringkat pendidikan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan memberikan fokus kepada penguasaan literasi dan numerasi dari awal sebagai kemahiran asas (*foundational skills*), bagi asas kukuh untuk membina dan mempelajari kemahiran-kemahiran yang lebih kompleks.

Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti literasi dan numerasi pelajar di negara ini. Salah satu daripadanya adalah mengukuhkan penyampaian pendidikan asas melalui pelbagai program perkembangan profesional guru-guru termasuk Program Bimbingan Literasi dan Numerasi.

Pemantauan tahap pelajar-pelajar juga sedang giat dijalankan berdasarkan kepada *Brunei Darussalam Literacy and Numeracy National Standard* (BDLNNS). Melalui piawaian tersebut dan kaedah penilaian yang dibuat melalui *Student Assessment Tracker* (SAT), intervensi atau sokongan yang lebih bersesuaian dengan keperluan setiap pelajar dapat dilaksanakan oleh guru-guru.



Pembelajaran di kelas peringkat rendah
Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Kualiti Pembelajaran dan Pengajaran di Sekolah-Sekolah

Bagi mengukuhkan sistem pendidikan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama melaksanakan usaha-usaha berterusan bagi memastikan kualiti guru sentiasa dipertingkatkan. Program-program tertumpu khusus kepada membimbang guru ke arah pembelajaran yang memfokuskan kepada keperluan pelajar (*student-centered learning*).

Kualiti pengajaran guru-guru diukur menggunakan *Brunei Teacher Standard – Teacher Performance Appraisal* (BTS-TPA), yang mula digunakan secara rasmi pada bulan Ogos 2014. Usaha ini adalah bagi menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru ke-19 pada 5 November 2009 mengenai kepentingan untuk memastikan pengajaran guru-guru adalah berkualiti tinggi.

Melalui BTS-TPA ini, guru-guru diukur dan diberikan gred (gred 1 hingga 5) bagi kualiti pengajaran yang disampaikan iaitu Gred 5 adalah gred yang tertinggi manakala gred 1 adalah gred yang terendah.



Usaha bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran juga dijalankan melalui *Literacy and Numeracy Coaching Programme* (LNCP). Program ini memberi impak kepada sekurang-kurangnya 20,500 orang pelajar melalui dukungan yang diberikan oleh 60 orang *International Coaches*. Terdapat sebanyak empat Program Pembangunan Profesional Khas dilaksanakan yang menyasarkan kepada sekumpulan guru terpilih yang dipanggil *local coaches*, Ketua-Ketua Kluster dan Pemimpin-Pemimpin Sistem (*system leaders*). Pada masa ini, program ini sedang dilaksanakan secara penuh dan *system-wide* bagi memastikan kelestarian program pada tahun 2019 dan seterusnya.

Program LNCP juga telah berjaya menghasilkan *Teaching for Mastery Framework* melibatkan empat komponen yang diserapkan ke dalam sistem pendidikan melalui program bimbingan (*coaching*) dan pembangunan profesional di kesemua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dan enam buah sekolah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama. Komponen-komponen tersebut adalah:

- Memastikan pengajaran dilaksanakan secara dialogik (Tahun 2017);
- Menstruktur dan menyusun pengajaran dan pembelajaran secara berkesan melalui dua set pembangunan profesional yang berjalan selama lapan minggu (Tahun 2018-2019);
- Merancang tugas-tugas pembelajaran secara efektif melalui dua set pembangunan profesional yang berjalan selama lapan minggu (Tahun 2018-2019); dan
- Menilai pembelajaran secara berterusan melalui dua set pembangunan profesional yang berjalan selama lapan minggu (Tahun 2018-2019).

Dalam usaha memastikan kualiti atau piawaian sekolah-sekolah juga dipantau, satu sistem penilaian kualiti sekolah-sekolah ditubuhkan melalui *Whole School Evaluation* (WSE). Beberapa komponen penting di bawah piawaian sekolah termasuk:

- Kualiti pemimpin sekolah dan guru-guru;
- Sumber-sumber akademik (*academic resources*) termasuk kandungan kurikulum;
- Mematuhi garis panduan *Health, Safety, Security and Environment* (HSSE) Kementerian Pendidikan;
- Program-program pembangunan profesional untuk pemimpin-pemimpin sekolah dan guru-guru;
- Penglibatan pihak-pihak berkepentingan;
- Kualiti pengajaran dan pembelajaran;
- Kualiti program sokongan pembelajaran;
- Pelaksanaan dasar-dasar dan prosedur-prosedur;
- Pencapaian pelajar-pelajar; dan
- Iklim sekolah – nilai dan etos.

Prestasi Pembelajaran Pelajar

Peningkatan dalam prestasi pelajar-pelajar dapat dilihat dari setahun ke setahun. Perkara ini adalah hasil dari inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan seperti *Primary Education Initiatives* (PEI) dan *Secondary Education Initiatives* (SEI) di bawah Kementerian Pendidikan. Inisiatif-inisiatif ini merupakan usaha-usaha berterusan yang melibatkan antaralain, pembangunan profesional tenaga pengajar dan kerjasama erat bersama pihak-pihak berkepentingan seperti para ibu bapa, yang telah menghasilkan impak yang positif.

Peningkatan pencapaian pelajar-pelajar pada peperiksaan awam iaitu peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) seperti di **Rajah 1** dapat dilihat di mana 76% pelajar memperolehi gred A ke C dalam lima mata pelajaran teras pada tahun 2021 berbanding 67% pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, pencapaian pelajar-pelajar menurun kepada 61% pada tahun 2022. Bagi peperiksaan GCE 'O' Level dan IGCSE pula seperti di **Rajah 2**, 46% pelajar memperolehi sekurang-kurang 5 kredit berbanding 38% pada tahun 2015. Manakala, tren bagi keputusan Peperiksaan GCE 'A' Level seperti di **Rajah 3** menunjukkan peningkatan pencapaian pelajar-pelajar dari setahun ke setahun bermula dari tahun 2014.

Pada tahun 2021, sistem pendidikan telah berhadapan dengan pelbagai keadaan baru disebabkan kawalan pandemik COVID-19. Dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelajar serta tenaga pengajar, peperiksaan bertulis bagi peperiksaan PSR telah diganti dengan penilaian *School-Assessed Marks* manakala Brunei Cambridge GCE 'O', 'AS', 'A' Level dan IGCSE menggunakan penilaian alternatif *School Assessed Grades (SAG)*. Penilaian diselaraskan dan adalah sebanding dengan peperiksaan bertulis secara fizikal.

Programme for International Student Assessment (PISA)

Penilaian PISA dilaksanakan oleh *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)* setiap tiga tahun sekali untuk mengukur pencapaian pendidikan sesebuah negara. Sistem pendidikan negara dinilai melalui kompetensi pelajar-pelajar berumur 15 tahun dalam tiga (3) komponen utama iaitu Bacaan, Matematik dan Sains.

Pada tahun 2018, Negara Brunei Darussalam buat pertama kali mengikuti PISA, dan negara berada di tangga ke-53 daripada 77 buah negara dengan catatan purata markah bagi Bacaan, Matematik dan Sains sebanyak 423.0. Penyertaan negara pada penilaian ini membolehkan pihak-pihak berkepentingan dalam perkembangan sektor pendidikan untuk melihat potensi yang ada di dalam Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21).

Rajah 1: Peratus pelajar Tahun 6 dengan gred A ke C dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR).



Sumber: Kementerian Pendidikan

Rajah 2: Peratus pelajar dengan minima 5 kredit pada GCE 'O' Level dan IGCSE (calon-calon sekolah sahaja).



Sumber: Kementerian Pendidikan

Rajah 3: Peratus pelajar dengan 3 'A' Level dan ke atas pada GCE 'A' Level.



Sumber: Kementerian Pendidikan

Rajah 4 menunjukkan bahawa kedudukan negara bagi Bacaan adalah di tangga ke-60, Matematik di tangga ke-51 dan ke-50 bagi Sains. Negara Brunei Darussalam juga berada di kedudukan ketiga di kalangan enam negara ASEAN yang mengikuti PISA.

Rajah 4: Perbandingan prestasi Negara Brunei Darussalam di kalangan negara-negara ASEAN yang menyertai PISA 2018 bagi tiga komponen utama (daripada sejumlah 77 negara tersenarai). Sumber data: OECD

	BACAAN	KEDUDUKAN	MATEMATIK	KEDUDUKAN	SAINS	KEDUDUKAN
Singapura	549	2	569	2	551	2
Malaysia	415	56	440	47	438	48
Brunei	408	60	430	51	431	50
Thailand	393	66	419	57	426	53
Indonesia	371	72	379	71	396	70
Philippines	340	77	353	76	357	77

Sumber: Organisation for Economic Co-operation and Development, 2018

Pendidikan Ugama

Pencapaian pendidikan ugama di sekolah-sekolah Arab dan sekolah-sekolah ugama di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah di tahap yang tinggi. Inisiatif-inisiatif yang dijalankan adalah dengan kerjasama erat bersama Kementerian Pendidikan.

Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah termasuk Program At-Tarqiyyah, Program At-Tatweer dan Program At-Tahsin seperti keterangan berikut:

- Program At-Tarqiyyah: Program yang memberi tumpuan kepada meningkatkan kualiti guru ke tahap kualiti yang dihasilkan menurut BTS-TPA;
- Program At-Tatweer: Program bagi meningkatkan pengetahuan, kecekapan, kemahiran, serta kompetensi guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran; dan
- Program At-Tahsin: Program bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran pihak pengurusan sekolah dalam melaksanakan sistem Penilaian Prestasi Guru BTS –TPA.

Rajah 5 menunjukkan peratus pelajar yang lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) adalah konsisten iaitu di atas 90% dari setahun ke setahun. Merujuk kepada keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) di **Rajah 6**, peratus

pelajar yang memperolehi sekurang-kurang lima Jayyid, iaitu sekurang-kurangnya gred C, meningkat ke 90% pada tahun 2019 daripada 87% pada tahun sebelumnya. Pencapaian pelajar yang memperolehi gred Jayyid Jiddan ke Mumtaz, iaitu sekurang-kurangnya gred C dalam Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) seperti di **Rajah 7** juga mencatatkan kenaikan dari setahun ke setahun.


Pada tahun 2021, pelaksanaan peperiksaan ugama bertulis iaitu peperiksaan SSSRU, SPUB dan STPUB turut terjejas dan terpaksa ditunda ke awal tahun 2022. Kaedah penilaian khas digunakan sebagai alternatif bagi pelajar-pelajar yang tidak dapat hadir semasa peperiksaan dijalankan.

Pembacaan Al-Quran

Pembelajaran Al-Quran adalah diterapkan dalam sistem pendidikan negara. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memartabatkan Al-Quran di negara ini.




Rajah 5: Peratus pelajar yang lulus pada peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).




Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ugama

Rajah 6: Peratus pelajar dengan minima 5 Jayyid (gred C) dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei.



Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ugama

Rajah 7: Peratus pelajar dengan Jayyid Jiddan-Mumtaz dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei.



Sumber: Kementerian Hal Ehwal Ugama

Beberapa contoh adalah mengadakan Majlis Musabaqah membaca dan menghafaz Al-Quran secara berterusan dan mengadakan ceramah tafsir dan Al-Quran melalui pelbagai media. Satu kajian penilaian mutu Bacaan Al-Quran dan kesempurnaan ibadat sembahyang telah dilaksanakan pada tahun 2016. Hasil dapatan kajian tersebut mendapati bahawa sebanyak 88% pelajar mempunyai tahap bacaan Al-Quran yang sekurang-kurangnya baik. Data ini termasuk bagi sekolah-sekolah peringkat Rendah, Menengah, Pra-Universiti, Teknikal dan Vokasional, dan Institusi Pengajian Tinggi di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Peluang Pendidikan Yang Saksama

Usaha berterusan juga dilaksanakan bagi memastikan peluang pendidikan yang saksama dan inklusif. Melalui Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN-21), Negara Brunei Darussalam mendukung sepenuhnya akses kepada pendidikan untuk semua kanak-kanak tanpa mengira keupayaan mereka. Dasar Pendidikan Khas menyediakan rangka kerja bagi pembangunan sistem pendidikan yang memenuhi keperluan semua kanak-kanak termasuk mereka yang mempunyai pelbagai keperluan dalam pembelajaran.

Kementerian Pendidikan komited ke atas penyediaan akses pendidikan untuk semua dengan pelaksanaan pendidikan inklusif sejak tahun 1997, di mana pelajar-pelajar yang mempunyai pelbagai keperluan pembelajaran belajar bersama-sama dengan rakan-rakan mereka di dalam kelas biasa. Bagi merealisasikan pelaksanaan pendidikan inklusif secara efektif, Kementerian Pendidikan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai kementerian dan agensi yang berkaitan seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta organisasi-organisasi bukan kerajaan. Dalam perkara ini, Kementerian Pendidikan dan Universiti Brunei Darussalam turut mengadakan persidangan antarabangsa mengenai dengan Pendidikan Khas pada tahun 1997 dan 2005.

Dengan adanya Unit Pendidikan Khas (UPK) di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi mendukung pelajar-pelajar yang berkeperluan khas juga sentiasa dipantau. Tenaga pengajar dilatih secara khas dan perkhidmatan pembantu guru untuk pelajar-pelajar juga disediakan bagi membantu pembelajaran pelajar-pelajar berkeperluan khas di sekolah-sekolah.

Pada tahun 2021, Daerah Temburong diberikan penghormatan untuk memulakan inisiatif *Centre of Excellence* bagi Pendidikan Khas. Dua sekolah telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan iaitu Sekolah Rendah Sultan Hassan dan Sekolah Rendah Rataie sebagai perintis bagi inisiatif tersebut. Inisiatif ini dilaratkan ke Kuala Belait dan Tutong. Program ini memusatkan Pendidikan Khas kepada sekolah-sekolah tertentu di setiap daerah bagi memaksimakan sumber, terutama dari aspek guru-guru dan tenaga pengajar yang diperlukan, di samping peralatan-peralatan pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan oleh pelajar-pelajar yang berkeperluan khas. Ini adalah bagi membolehkan pelajar-pelajar tersebut dapat sama-sama menikmati pendidikan yang berkualiti dengan pelajar-pelajar lain.

Bagi memastikan kesejahteraan guru-guru dan pelajar-pelajar di bawah UPK, seperti bagi mengelakkan dari kecederaan, latihan yang secukupnya untuk menangani pelajar-pelajar

berkeperluan khas diberikan. Ini termasuk latihan kepada pembantu guru-guru dan guru-guru kelas.

Bagi memelihara kebajikan guru, Unit Kesejahteraan Pemimpin Sekolah dan Tenaga Pengajar ditubuhkan untuk menangani isu-isu seperti stres dan kesihatan mental. Unit ini bertujuan untuk memberikan bimbingan dan perkhidmatan kaunseling, iaitu sebagai satu tempat bagi guru-guru dapat menyuarakan kewahaman ataupun masalah-masalah yang dihadapi.

PELUANG MELANJUTKAN PELAJARAN SELEPAS PENDIDIKAN MENENGAH

Peralihan ke Pasca-Menengah

Setelah melengkapkan pendidikan menengah, pelajar-pelajar berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke Pusat Tingkatan Enam, Politeknik atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (*Technical and Vocational Education and Training, TVET*) berdasarkan kepada pencapaian pada GCE 'O' Level dan IGCSE atau peperiksaan yang sebanding dengannya. Pelajar-pelajar lepasan juga berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Peralihan ke Pasca-Menengah dan ke peringkat seterusnya dipantau bagi mengetahui kadar penyertaan pelajar-pelajar selepas pendidikan menengah.




Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, salah satu pusat tingkatan enam di negara.

Sumber foto: Laman sesawang Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah; <https://pengiranmudacollege.wixsite.com/maktabdul/about>

Berdasarkan kepada United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), definasi Pendidikan Tertiari adalah "builds on secondary education, providing learning activities in specialised fields of education. It includes what is commonly understood as academic education but also includes advanced vocational or professional education." Kadar kemasukan ke Peringkat Tertiari (*Gross Enrolment Ratio to Tertiary Education*) dipantau, yang mana menurut **Rajah 8**, purata kemasukan mendatar pada kadar sekitar 32%.

Rajah 8: Kadar kemasukan ke Peringkat Tertiari (*Gross Enrolment Ratio to Tertiary Education*).



Sumber: UN Educational, Scientific and Cultural Organization, 2020

Transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Sistem TVET di Negara Brunei Darussalam yang dibekalkan oleh kedua-dua institusi awam dan swasta menawarkan pelbagai program berdasarkan kepada minat dan kemahiran pelajar-pelajar. Program-program pada institusi-institusi TVET mengikuti pendekatan permintaan (*demand-driven approach*) berdasarkan kepada Kerangka Kelayakan Brunei Darussalam (*Brunei Darussalam Qualification Framework*, BDQF), (**Rajah 9**).

Di peringkat pasca-menengah, institusi-institusi awam menawarkan peluang pendidikan teknikal melalui pelbagai program pada BDQF peringkat 2 ke 5. Manakala, institusi-institusi swasta menawarkan program-program pada BDQF peringkat 1 ke 5.

Rajah 9: Brunei Darussalam Qualification Framework (BDQF)

BDQF Levels	Schools Sector Qualifications	Technical & Vocational Education Sector Qualifications	Higher Education Sector Qualifications
8			Doctoral Degree
7			<ul style="list-style-type: none"> ▪ Master's Degree ▪ Post Graduate Diploma ▪ Post Graduate Certificate
6			Bachelor's Degree
5		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Advanced Diploma ▪ Higher National Diploma (HND) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Foundation Degree ▪ Advanced Diploma ▪ Higher National Diploma (HND)
4	<ul style="list-style-type: none"> ▪ GCE 'A' Level ▪ IGCSE 'A' Level ▪ IB Diploma ▪ STPU 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Diploma ▪ Higher National Technical Education (HNTec) 	
3	<ul style="list-style-type: none"> ▪ GCE 'O' Level (Grades A-C) ▪ IGCSE and GCSE 'O' Level (Grades A*-C) ▪ SPU (Grades A-C) ▪ BTEC Level 2 Diploma 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Skills Certificate 3 (SC3) ▪ National Technical Education Certificate (NTec) 	
2	<ul style="list-style-type: none"> ▪ GCE 'O' Level (Grades D-E) ▪ IGCSE 'O' Level (Grades D-E) ▪ SPU (Grade D) ▪ BTEC Level 2 Extended Certificate 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Skills Certificate 2 (SC2) ▪ Industrial Skills Qualifications (ISQ) 	
1	BTEC Level Introductory Certificate	Skills Certificate 1 (SC1)	

Sumber: Kementerian Pendidikan

Pada tahun 2014, Perintah Institut Pendidikan Teknikal Brunei 2013, dan Kertas Putih Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pelan Menaik Taraf Pendidikan Teknikal Brunei Darussalam 2013 – 2018 telah dilancarkan, dengan Jabatan Pendidikan Teknik di Kementerian Pendidikan menjadi Institut Pendidikan Teknikal Brunei (*Institute of Brunei Technical Education*, IBTE).

Pelan Transformasi Pendidikan Teknikal yang bermula pada tahun 2013, menekankan bagi penstrukturkan semula sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional supaya menjadi lebih responsif dan relevan kepada keperluan negara dengan mensejajarkan kursus-kursus yang ditawarkan dengan keperluan industri dan permintaan pekerjaan serta ditanda aras dengan piawaian antarabangsa.

Pelan tersebut mengandungi enam (6) inisiatif strategik yang telah dan sedang dilaksanakan iaitu Penstrukturran semula kursus; Memperluaskan Skim Perantisan; Pembaharuan Skim Perkhidmatan Pengajaran; Memperbanyakkan peluang perkembangan

dan Pendidikan dan Latihan Lanjutan (*Continuous Education and Training*, CET); Penjenamaan; dan Menaiktaraf suasana latihan. Inisiatif-inisiatif tersebut telah membawa kepada pelbagai perubahan dan perkembangan kepada landskap pendidikan teknikal di negara ini. Ini termasuk menyediakan pembelajaran dan persekitaran *experiential* dan autentik bagi mendedahkan para pelajar dengan pengalaman sebenar yang diperlukan di tempat kerja seperti program perantisan dan program penempatan kerja (*work placement*).

Ke arah itu, pelbagai kerjasama telah dilaksanakan bersama pihak-pihak berkepentingan, seperti Majlis Perancangan dan Pekerjaan Tenaga Manusia (*Manpower Planning and Employment Council*, MPEC) untuk mendukung objektif dan keperluan tenaga manusia dan ekonomi negara; *Manpower Industry Steering Committee* (MISC) untuk meningkatkan kepolehpasaran (*employability*) para pelajar dan memastikan kemahiran dan kompetensi mereka memenuhi keperluan industri; dan bersama pihak industri untuk membolehkan perkembangan kerjaya dan peningkatan kemahiran (*upskilling*) para pekerja.



Kampus Sultan Saiful Rijal, IBTE.
Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Pengajian Tinggi

Berdasarkan kepada *Brunei Darussalam Education Statistics 2018*, terdapat sembilan institusi yang diklasifikasi sebagai Pengajian Tinggi di negara ini. Lima daripadanya adalah institusi-institusi awam iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan Politeknik Brunei.

Manakala, empat adalah institusi-institusi swasta iaitu *International Graduate Studies College* (IGS), *Laksamana College of Business* (LCB), *Cosmopolitan College of Commerce and Technology* (CCCT) dan *Micronet International College* (MIC). *JPMC College of Health Sciences* merupakan institusi pengajian tinggi swasta terbaru yang menawarkan program-program di peringkat BDQF Tahap 5 dan ke atas dalam bidang sains kesihatan dan kejururawatan.

Institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam menunjukkan perkembangan dan pencapaian yang sangat baik dalam usaha meningkatkan keupayaan, kualiti dan reputasinya dari segi akademik dan kepakaran di pelbagai bidang bagi menyokong pembangunan negara. Pelbagai kerjasama, pengiktirafan dan anugerah yang berprestij telah disandang oleh institut pengajian tinggi tempatan.

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi tertua di Negara Brunei Darussalam, UBD telah mencapai beberapa pengiktirafan, termasuk tersenarai di dalam *Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings* pada tahun 2018, iaitu satu ranking tahunan yang menyenaraikan 1,000 universiti teratas di seluruh dunia. Pada tahun 2021, UBD berada di kedudukan 254 dan meningkat kepada kedudukan 250 pada tahun 2022 (**Rajah 10**). Sejak UBD mula menyertai *QS Rankings* pada tahun 2018, kedudukan UBD meningkat sebanyak 99 tangga. UBD seterusnya berkedudukan 69 dalam *Asian University Ranking*, yang mengandungi 650 universiti. UBD juga telah dianugerahkan *Clarivate South and South East Asia Innovation Award 2020* dalam kategori institusi pendidikan.

UTB berjaya tersenarai dalam *QS World University Ranking* pada tahun 2019 dan berada di kedudukan 344 pada tahun 2022, iaitu peningkatan kedudukan sebanyak 98 tangga. Dengan pencapaian ini, UTB dianggap sebagai universiti terpantas dan termuda di Asia Tenggara untuk tersenarai dalam *QS World Rankings*.

Rajah 10: Kedudukan terkini universiti tempatan Brunei dengan universiti-universiti negara lain pada QS World dan Asia Ranking pada tahun 2022

QS WORLD RANKINGS daripada 1,002 universiti

	KEDUDUKAN
United States Massachusetts Institute of Technology	1
Singapore National University of Singapore	11
Mexico National Autonomous University of Mexico	105
Brunei Universiti Brunei Darussalam	250
Brunei Universiti Teknologi Brunei	344
Australia La Trobe University	362
France Université de Strasbourg	421
United States Iowa State University	494

QS ASIA RANKINGS daripada 650 universiti

	KEDUDUKAN
Singapore National University of Singapore	1
Malaysia Universiti Malaya	8
Indonesia Gadjah Mada University	59
Brunei Universiti Brunei Darussalam	69
Korea Ulsan National Institute of Science and Technology	94
Brunei Universiti Teknologi Brunei	126
Japan Kanazawa University	153
India Indian Institute of Technology Hyderabad	224

Nota: Kedudukan khusus hanya diberikan kepada 500 universiti teratas bagi QS World Rankings dan 250 universiti teratas bagi QS Asia Rankings

Sumber: Quacquarelli Symonds World University Ranking, 2022

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) juga turut mencipta nama apabila mendapat anugerah *Global Islamic Finance Awards (GIFA) Market Leadership Award (Education in Islamic Banking and Finance)* tiga tahun berturut-turut pada tahun 2019 sehingga tahun 2021.



Majlis Konvokesyen UTB; dan Majlis Haflut Takharrij UNISSA

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Kementerian Pendidikan turut melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi memastikan '*Quality Feeders*' dan '*Quality Programmes*'. Perkara ini juga adalah berkaitan dengan salah satu fokus utama MPEC, iaitu bagi memastikan pensejajaran program atau kursus yang dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi dengan keperluan industri.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA NEGARA

Usaha-usaha dalam pengurusan tenaga kerja negara

Pada tahun 2020, *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC) telah ditubuhkan bagi menangani isu-isu pengangguran di negara ini secara efisien, telus dan berkesan. Ini termasuk memupuk kerjasama dengan industri-industri di negara ini dan institusi-institusi pendidikan, bagi memastikan anak-anak tempatan lepasan universiti dan pendidikan teknikal adalah *employable*.

MPEC antaralain bertanggungjawab secara keseluruhannya dalam memadankan permintaan dan bekalan tenaga kerja serta *workability* secara berkesan bagi menangani masalah pengangguran di negara ini.

Pelbagai inisiatif telah dilancarkan termasuk mengumpulkan maklumat mengenai *projected manpower* yang diperlukan untuk lima tahun akan datang. Ini termasuk jenis, jumlah pekerjaan dan jangka waktu yang diperlukan untuk merancang bekalan tenaga kerja sektor yang sesuai dengan keperluan industri-industri yang relevan. MPEC terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan, termasuk kementerian-kementerian, pengawal-pengawal selia (*regulators*) dan industri-industri yang relevan. Melalui kerjasama ini, dianggarkan sebanyak 14,000 peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor telah dikenalpasti untuk tahun 2021 sehingga 2025.

Manpower Industry Steering Committee (MISC) juga telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh beberapa orang Ahli Lembaga Pengelola IBTE dan ahli-ahlinya terdiri daripada industri berkaitan. Di samping memberi hala tuju mengenai pembangunan kurikulum agar program-program yang ditawarkan dapat menyumbang kepada pembangunan negara, kurikulum ini juga berperanan bagi memastikan program-program yang ditawarkan oleh IBTE adalah selaras dengan inisiatif-inisiatif di peringkat kebangsaan. Peluang pekerjaan seterusnya dirancang untuk dipadankan kepada anak-anak tempatan yang berkelayakan. Setakat ini, terdapat lima MISC yang ditubuhkan, iaitu bagi *Construction, Hospitality & Tourism, Transportation & Logistics; Energy; dan ICT*. Di samping itu, enam program bagi peningkatan kapasiti juga telah dikenalpasti, iaitu hasil kerjasama institusi-institusi seperti IBTE dan Politeknik Brunei di bawah Kementerian Pendidikan.



Salah satu pesta kerjaya yang diadakan di negara.
Sumber foto: *The Scoop*

Sementara itu, MPEC melalui *JobCentre Brunei* (JCB) juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti memadankan permintaan dan bekalan tenaga kerja secara proaktif melalui *recruitment fairs, institution outreach* dan *Mukim Connect*, bagi memastikan pencari kerja tempatan mendaftar dengan JCB untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan latihan pekerjaan yang serasi.

Pelbagai usaha juga telah diadakan untuk menangani masalah kesepadan (*mismatch*) di antara kelayakan dan pekerjaan. Antaralainnya adalah:

- Pengenalan Program Perantisan 'I-Ready' (*I-Ready Apprenticeship Programme*). Program Perantisan 'I-Ready' adalah satu platform kepada graduan yang memperolehi kelulusan ijazah sarjana muda dan ke atas untuk mendapatkan pengalaman kerja di sektor swasta dan kerajaan. Semasa menjalani program ini, para perantis diberikan tunjuk ajar oleh penyelia atau *coach* bagi memastikan graduan yang dilatih mendapat kemahiran dan pengalaman sesuai dengan jawatan yang diberikan. Pada tahun 2020, Program Perantisan 'I-Ready' telahpun dilaratkan kepada dua peringkat iaitu peringkat Diploma menurut BDQF Level 5 (*Higher National Diploma* atau *Advanced Diploma*) atau sebanding dengannya dan peringkat TVET BDQF Level 2 hingga 4.
- Tindakan untuk memadankan permintaan dan pembekalan tenaga manusia dalam jangka masa panjang untuk negara ini adalah melalui penyediaan *Labour Market Information System* (LMIS). Sistem ini dihasilkan bagi mengumpul maklumat pasaran buruh bagi membuat jangkaan tenaga kerja (*labour forecast*). Data dan maklumat yang terkini dan betul disalurkan ke dalam sistem ini bagi memastikan sistem ini menjana maklumat yang betul, telus dan teratur.

- Usaha yang dijalankan juga termasuk bekerjasama dengan pihak *International Labour Organisation* (ILO) bagi penyediaan LMIS. Dengan adanya sistem ini nanti, proses pemadanan *supply* dan *demand* akan mudah dilaksanakan.
- Rangka Kerja Kompetensi Kebangsaan (*National Competency Framework*, NCF) juga telah diperkenalkan. Rangka kerja tersebut menyenaraikan kompetensi-kompetensi yang diperlukan oleh pihak industri, yang akan diselaraskan dengan latihan atau program yang dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tertentu yang menawarkan NCF. Analisa keperluan (*needs analysis*) juga dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan bahawa program-program yang ditawarkan adalah berdasarkan kepada keperluan industri.

Pembelajaran Sepanjang Hayat, Reskilling dan Upskilling

Sempena Majlis Konvokesyen Ke-30 Universiti Brunei Darussalam pada 17 Zulhijjah 1439 bersamaan 29 September 2018, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah supaya sistem pendidikan memberikan tumpuan kepada pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran sepanjang hayat bukan sahaja digalakkan oleh agama, tetapi amat penting bagi seseorang individu untuk sentiasa menimba ilmu pengetahuan dan mempertingkatkan kemahiran-kemahiran yang

sedia ada. Peluang untuk menimba ilmu pengetahuan kini ditawarkan oleh pelbagai pihak, termasuk sektor swasta dan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non-Government Organisations*, NGOs).

Pada tahun 2019, *Lifelong Learning Centre* (L3) ditubuhkan dan menawarkan pelbagai program pembelajaran sepanjang hayat bagi membantu orang ramai mendapatkan kemahiran secara '*upskilling*' (meningkatkan kemahiran yang ada) dan '*reskilling*' (mempelajari kemahiran baharu yang lain). Program-program dijalankan melalui kolaborasi bersama beberapa rakan strategik terdiri daripada institusi-institusi pendidikan tinggi, institusi pendidikan teknikal dan vokasional serta agensi-agensi kerajaan termasuk *Continuous Education and Training* (CET) di bawah IBTE, UBD *Centre of Lifelong Learning*, *Centre of Excellence for Lifelong Learning* (CELL), Politeknik Brunei dan SEAMEO VOCTECH.

Empat jenis program yang ditawarkan adalah Perkembangan Tenaga Kerja (*Workforce Development*); Peningkatan Akademik (*Academic Upgrading*); Perkembangan Komuniti (*Community Development*); dan Perkembangan Peribadi (*Personal Development*). MPEC juga memperkenalkan inisiatif *SkillsPlus* di bawah *Learn and Grow Programme* yang didukung oleh *Lifelong Learning Centre* iaitu bantuan pembiayaan bagi program-program *upskilling* dan *reskilling* di bawah pusat berkenaan bagi pencari kerja tempatan.



Pusat Pembangunan Belia (PPB) juga menyediakan program-program khusus bagi pembelajaran sepanjang hayat, selaras dengan keperluan industri. Di samping itu, institusi pendidikan swasta juga turut menyediakan kursus-kursus pembelajaran sepanjang hayat dalam turut mendukung usaha supaya anak-anak tempatan akan mendapat kemahiran bersesuaian mengikut kehendak dan keperluan sesebuah organisasi atau industri.


Pengangguran Belia

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh sejumlah negara, termasuk Negara Brunei Darussalam dalam usaha untuk membangunkan sumber manusia. Ini termasuk menangani kadar pengangguran belia, dan memastikan modul dan kurikulum di peringkat teknikal dan vokasional, serta pengajian tinggi sentiasa relevan dan sesuai dengan keperluan industri.

Berdasarkan kepada Kajian Tenaga Kerja yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kadar Pengangguran Belia berumur 15 ke 24 tahun adalah 23.0% pada tahun 2021 (**Rajah 11**). Kadar ini merupakan satu penurunan berbanding 25.8% pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih tinggi jika dibandingkan dengan kadar pengangguran belia di negara-negara ASEAN.

Kadar '*Not in Employment, Education or Training*' (NEET) adalah kadar peratus belia di Negara Brunei Darussalam yang berumur 15 ke 24 tahun, yang bukan dalam pekerjaan, dan juga tidak menerima pendidikan atau latihan dalam tempoh masa empat minggu sebelum kajiselidik Kajian Tenaga Kerja tersebut dijalankan. Data mengenai kadar NEET akan dapat melengkapkan data mengenai Kadar Pengangguran Belia dan memberi gambaran yang lebih komprehensif mengenai *potential youth labour market entrants*.

Rajah 11: Kadar Pengangguran Belia pada tahun 2021.



Sumber: International Labour Organisation, 2021



“ Dan Dia-lah yang
menjadikan kamu khalifah di
bumi dan meninggikan
setengah kamu atas
setengahnya yang lain beberapa
darjah kerana ia hendak menguji
kamu pada apa yang telah
dikurniakan kepada kamu ”

Surah Al An'aam: Ayat 165

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

MATLAMAT 2: KUALITI KEHIDUPAN RAKYAT YANG TINGGI

Bagi Matlamat 2, negara berhasrat untuk menjadi antara 10 buah negara teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia (*Human Development Index, HDI*) keluaran *United Nations Development Programme*.

51
KEDUDUKAN HDI,
2021

KEDUDUKAN	NEGARA	INDEKS HDI
1	Switzerland	0.962
5	Australia	0.951
10	Netherlands	0.941
12	Singapore	0.939
26	Emiriah Arab Bersatu	0.911
35	Arab Saudi	0.875
51	Brunei	0.829
62	Malaysia	0.803

Sumber: Human Development Index, 2021/2022

Skor HDI negara adalah 0.829 pada tahun 2021, menjadikan negara berada di tangga ke-51 daripada 191 buah negara.

PENCAPAIAN

Matlamat 2 bertujuan untuk memastikan Negara Brunei Darussalam akan mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi setaraf dengan negara-negara maju di dunia. Untuk mencapai hasrat ini, tumpuan diberikan kepada penyediaan ekosistem yang holistik meliputi pelbagai aspek kehidupan seperti penyediaan kemudahan dan infrastruktur penting, keselamatan negara, penjagaan alam sekitar dan pemberian perlindungan sosial bagi semua lapisan masyarakat.

KESIHATAN

Negara Brunei Darussalam menempatkan kesihatan sebagai salah satu strategi utama dalam Wawasan Brunei 2035 yang dapat menyumbang kepada pencapaian kualiti kehidupan yang tinggi. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah komited untuk memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, saksama, komprehensif dan lagi mudah diperolehi oleh rakyat dan penduduk negara.

Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memastikan kesihatan di negara ini sentiasa terjamin dan dipertingkatkan. Secara keseluruhan, status kesihatan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam telah meningkat dan setanding dengan negara-negara membangun. Misalnya, kadar jangka hayat dari kelahiran meningkat dari 77.2 tahun pada tahun 2014 kepada 77.4 tahun pada tahun 2019. Pencapaian negara dalam liputan penjagaan kesihatan menyeluruh turut memberi perhatian kepada isu kualiti dan keselamatan melalui pengukuhan perkhidmatan dasar kesihatan dan memantapkan kerjasama pelbagai sektor.



Usaha-usaha memastikan kesihatan di negara
Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Perkembangan dalam penjagaan kesihatan asasi dapat dilihat daripada pembangunan rangkaian pusat dan klinik kesihatan awam dan swasta seperti Blok Perempuan dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha; Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah, Rimba, Gadong; Pusat Kesihatan Berakas, dan Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC).

Pelaksanaan sistem pengurusan maklumat kesihatan juga berkembang dengan pantas mengikut perkembangan teknologi info-komunikasi seperti *Bru-Hims* dan *BruHealth* yang memudahkan lagi pemberian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Dasar Ubat Negara (*Brunei Medicine Policy*) yang bertujuan memastikan bekalan ubat yang selamat, berkualiti dan efektif juga telah dilaksanakan dan turut menyumbang kepada pencapaian negara dalam aspek kesihatan.

Negara Brunei Darussalam juga telah mencapai kemajuan yang signifikan dalam penyediaan fasiliti dan perkhidmatan kesihatan dengan penganugerahan akreditasi antarabangsa 'Joint Commission International (JCI)' kepada Pusat Kesihatan Pengkalan Batu dan Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC). Piawaian ini merupakan *Gold Standard* bagi fasiliti-fasiliti kesihatan yang mengutamakan pemberian penjagaan dan keselamatan pesakit di tahap yang tertinggi. Pelancaran Sistem Automasi Makmal Menyeluruh bagi Makmal Rujukan Kimia Klinikal Kebangsaan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) pada Februari 2021 merupakan salah satu lagi pencapaian penting dalam sejarah bidang perkhidmatan kesihatan, khususnya perkhidmatan makmal diagnostik di negara ini.

Dengan adanya sistem tersebut, kualiti Perkhidmatan Makmal Rujukan Kimia Klinikal Kebangsaan akan dapat dipertingkatkan dengan memberikan keputusan ujian makmal yang lebih tepat dan konsisten mengikut '*turnaround time*' setiap ujian. Sistem ini juga menawarkan ciri pengurangan risiko pendedahan kepada contoh darah pesakit dan dengan itu, keselamatan kakitangan juga akan lebih terjamin. Makmal tersebut juga mencapai akreditasi piawaian antarabangsa ISO 15189 sejak tahun 2011 dan masih mengekalkan pengakreditasian ISO 15189 sehingga sekarang.

Ke arah meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, promosi kesihatan dan pencegahan penyakit berjangkit (*Communicable Diseases*) dan tidak berjangkit (*Non-Communicable Diseases*) adalah merupakan teras bagi dasar penjagaan kesihatan di negara ini. Beberapa usaha-usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan dalam menangani isu berkaitan kesihatan khususnya penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti



Beberapa aktiviti senaman
Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai risiko kesihatan melalui program-program kesihatan dan amalan gaya hidup sihat. Langkah-langkah yang telah dilaksanakan termasuk memperkenalkan cukai eksais terhadap produk-produk makanan yang mengandungi gula, program Kesihatan Di Tempat Kerja (*Workplace and Health*, WAH), inisiatif 'BN on the Move' yang dilaksanakan melalui aplikasi Bruhealth yang mencapai 20 bilion langkah bersama, logo *Healthier Choice* di pasar raya-pasar raya, program kesihatan mental dan sebagainya.

Negara Brunei Darussalam juga turut mengalami cabaran dalam menangani penyakit-penyakit berjangkit seperti wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia. Beberapa langkah bagi membendung penularan wabak ini sentiasa dipertingkatkan bagi menjaga dan menjamin keselamatan dan kesejahteraan semua, antaranya ialah melaksanakan Program Vaksinasi Kebangsaan bagi COVID-19, memperkenalkan aplikasi *BruHealth* bagi memudahkan Kementerian Kesihatan membuat '*contact tracing*' serta membantu usaha pihak kerajaan menangani pandemik COVID-19 di negara ini. Selain itu, Pusat Pengasingan Kebangsaan (*National Isolation Centre, NIC*) telah dibina di Daerah Tutong bagi menampung rawatan dan pemantauan pesakit-pesakit yang dijangkiti wabak COVID-19. Pembinaan Makmal Rujukan Virologi Kebangsaan di Kampong Sumbiling, Bandar Seri Begawan juga merupakan antara usaha pihak kerajaan dalam menangani wabak COVID-19.

Sektor kesihatan di Negara Brunei Darussalam telah banyak mencapai kemajuan dalam memastikan penjagaan kesihatan kepada rakyat dan penduduk adalah berkualiti, holistik seiring dengan peredaran zaman dan perubahan dalam penggunaan teknologi penjagaan kesihatan yang pesat. Penglibatan dan kerjasama orang ramai adalah sangat penting dalam sama-sama menanai tanggungjawab menjaga dan memelihara kesihatan ke arah meningkatkan kualiti kehidupan di negara ini.

JAMINAN SOSIAL DAN KEMASYARAKATAN

Pelbagai usaha giat dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengukuhkan jaminan sosial dan memastikan perlindungan kepada golongan yang memerlukan, khususnya dalam membasihi kemiskinan. Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) telah ditubuhkan pada tahun 2008, sebagai satu platform untuk menyatupadukan semua inisiatif pembasmi kemiskinan secara *Whole-of-Nation* dengan matlamat utama untuk memutus kitaran kemiskinan. Antara strategi MKIS adalah memfokuskan kepada penjanaan pendapatan yang mencukupi melalui kemahiran, pekerjaan dan keusahawanan bagi melahirkan masyarakat yang berdikari dan berdaya tahan.

Sistem Kebajikan Negara

Pelancaran Sistem Kebajikan Negara (SKN) pada 15 Julai 2020 merupakan perkembangan yang signifikan dalam memastikan tidak adanya ketirisan kepada golongan berhak untuk diberikan bantuan. Sistem ini adalah satu landasan untuk memudahkan orang awam yang memerlukan bantuan menghadapkan permohonan Bantuan Kebajikan Bulanan samada melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) secara dalam talian (*online*). Dengan terlaksananya sistem tersebut, maklumat mengenai rakyat dan penduduk yang benar-benar memerlukan bantuan akan dapat disimpan sehingga tidak ada lagi mereka yang tercicir, serta sekaligus mengelakkan dari ketirisan bantuan yang dihulurkan. Sistem tersebut juga dijadikan asas bagi melaksanakan perancangan, berupa latihan bagi kebaikan penerima bantuan dan ahli keluarga mereka.

Perlindungan Kanak-Kanak

Kanak-kanak merupakan sebahagian daripada masyarakat yang amat penting kerana mereka adalah aset negara yang menyumbang kepada pembangunan negara di masa hadapan. Dari aspek kesejahteraan dan perlindungan kanak-kanak, pelbagai usaha sedang dan telah diadakan bagi melindungi pewaris generasi akan datang.



Pemberian Rumah Bantuan untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat dan penduduk

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-Kanak dilancarkan pada Disember 2020 bagi memperkuuhkan lagi ekosistem perlindungan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan *Whole-of-Nation* demi memastikan tiada kanak-kanak yang tercicir daripada mendapatkan perlindungan. Pelbagai usaha juga telah dilaksanakan seperti Perintah Pendidikan Wajib 2007, Perintah Pendidikan Ugama Wajib 2021, pengemaskinian Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak dan sebagainya. Di bawah Akta Pusat Penjagaan Kanak-kanak, 53 pusat penjagaan kanak-kanak diberikan lesen, manakala sejumlah 206 kanak-kanak yang *vulnerable* termasuk 50 kes perlindungan dan 14 kes pemulihan ditempatkan di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK). Projek Pembinaan Rumah Perlindungan juga akan menempatkan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Usaha berterusan pihak kerajaan dalam mengutamakan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak dari ancaman-ancaman negatif seperti penderaan, penganiayaan dan keganasan selaras dengan tanggungjawab serta obligasi negara di dalam '*Convention on the Rights of the Child*' (CRC) turut dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif. Ini termasuk mewujudkan Talian Kebajikan 141 dan Talian ANAK 121. Penerapan dengan sikap dan nilai-nilai murni dari awal lagi turut diberikan keutamaan melalui program pembelajaran di sekolah, program keugamaan termasuk peranan penting ibu bapa atau pengaga kanak-kanak.



Menjamin kesejahteraan dan keselamatan kanak-kanak penting bagi negara

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Masyarakat Inklusif

Bagi memastikan semua golongan sasaran dipeduli dan diperkasa, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan. Satu usaha bagi memastikan Masyarakat OKU diperkasa untuk maju adalah melalui Pelan Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU). Pelan ini difokuskan kepada pembangunan, kesejahteraan, kebijakan dan sistem sokongan mesra. Antara pencapaian signifikan termasuk penterjemahan Bahasa Isyarat Berita Perdana RTB, dan 117 OKU mendaftar di *JobCentre Brunei* setakat 24 Mac 2021 (44 OKU mendapat pekerjaan). Kajiselidik 2019 yang dijalankan oleh JAPEM mencatatkan seramai 75 OKU bekerja di sektor awam dan 35 OKU di sektor swasta.

Pada 15 Julai 2021, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan penguatkuasaan Perintah Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya, (Pindaan) 2021 dan Perintah Orang Kurang Upaya, 2021 bermula 1 Oktober 2021. Dengan pindaan tersebut, ianya akan memperkasa pencarian pekerjaan di samping memperkenalkan Elaun Penyedia Penjagaan (*Care Provider Allowance*) berjumlah \$250.00 sebulan bagi penerima elau kurang upaya di bawah garispandu JAPEM. OKU juga berhak menerima elau kurang upaya di samping pencen umur tua apabila mencapai umur 60 tahun. Pindaan Perintah Orang Kurang Upaya, 2021 juga mengandungi undang-undang khusus untuk melindungi golongan ini dari penderaan dan pengabaian.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali daripada proses penuaan (*ageing process*) di kalangan penduduknya. Menurut Demografik Penduduk Negara Brunei Darussalam 2021, golongan berumur 60 tahun ke atas merangkumi 10.1% dari jumlah penduduk (43,301 dari 429,999) pada tahun 2021, berbanding 5.7% (22,386 dari 393,372) pada tahun 2011. Statistik ini dianggarkan terus meningkat pada tahun-tahun berikutnya. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat mengenai hal ehwal dan kepentingan warga emas selaku insan yang wajar dihormati dan dijaga. Perkara ini amatlah penting memandangkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah '*ageing nation*', di mana jumlah penduduk golongan warga emas terus meningkat setiap tahun. Melalui Pelan Tindakan Isu Warga Emas, Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) telah ditubuhkan bagi mencerminkan pemedulian pihak kerajaan dalam menjaga kesejahteraan warga emas yang mengendalikan pelbagai program dan aktiviti harian ke arah penuaan sihat (*healthy ageing*).

Pembayaran Pencen Umur Tua melalui *Online Banking* diperkenalkan sebagai kaedah alternatif oleh pihak kerajaan untuk menyampaikan perkhidmatan sosial dengan menghindari sebarang risiko jangkitan kepada warga emas lebih-lebih lagi semasa penularan wabak COVID-19 melanda negara pada Mac 2020. Di samping itu, pelancaran SKN merupakan landasan bagi memudahkan akses permohonan bagi warga emas serta memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan komprehensif mengenai ekosistem bantuan di negara ini dengan telus serta tidak ada ketirisan dan keciciran terhadap bantuan-bantuan yang diagihkan. Pihak kerajaan juga telah memperkenalkan bantuan secara '*in-kind*', iaitu lampin pakai buang dan susu kepada golongan warga emas tertentu dengan tujuan untuk membantu ahli-ahli keluarga yang menjaga warga emas yang uzur, menurut garis pandu yang ditetapkan.



Pemedulian terhadap kesejahteraan warga emas

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Melalui pendekatan *Whole-of-Nation*, pihak kerajaan bekerjasama dengan persatuan-persatuan dan sukarelawan bagi melaksanakan Projek Memeduli Warga Emas, iaitu inisiatif untuk memeduli, mengenalpasti dan melaksanakan pemeriksaan kesihatan untuk warga emas secara berterusan. Sebagai contoh, Program Kesedaran Penyakit Demensia dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan Demensia Brunei; dan program-program penyelidikan dan peningkatan kesedaran COVID-19 dalam kalangan warga emas dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan Universiti Brunei Darussalam.

Pihak kerajaan turut mengiktiraf kepentingan untuk terus memperkasa golongan warga emas dan mendukung keperluan pembelajaran sepanjang hayat secara inklusif melalui program-program peningkatan kapasiti, kemahiran dan keusahawanan seperti, Program Informasi Teknologi dengan kerjasama pihak AITI dan syarikat telekomunikasi, yang telah diperkenalkan pada tahun 2020 bagi memastikan golongan warga emas juga akan turut mendapat faedah dalam menjulang hasrat negara ke arah revolusi industri 4.0 dan seterusnya serta mencapai status *Smart Nation* selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035.

Pencapaian dan sumbangan para belia negara pula amat ketara melalui kecemerlangan yang telah diperolehi di peringkat negara, serantau maupun global.

Dalam sama-sama memainkan peranan pembangunan negara secara inklusif ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2035 (DBNS 2020-2035) dan Garispanduan Sukarelawan telah dilancarkan pada Disember 2020. Ianya bertujuan untuk memberikan hala tuju ke arah transformasi belia, terutama dari perspektif modal insan yang beridentitikan *keBruneian*.

Di samping itu, bagi memupuk semangat patriotisme dan menggalakkan perpaduan nasional di kalangan belia, usaha terus dilaksanakan bagi meningkatkan penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan semangat kekitaan melalui program pemerkasaan jati diri dan kesukarelawan seperti Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Musabaqah Tilawatil Quran Belia, Program Pertukaran Belia, *Day of Action* (DoA), dan Sistem Aplikasi Sukarelawan yang dilancarkan pada bulan Ogos 2021. Dalam usaha membangun belia di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan perhatian yang penuh melalui penyediaan berterusan program-program pembangunan kapasiti, kemudahan-kemudahan prasarana, infrastruktur dan bantuan fizikal. Hari Belia Kebangsaan yang disambut setiap 1 Ogos bermula pada tahun 2006 merupakan wadah kepada para belia untuk mengadakan perjumpaan khususnya bagi menghargai

sumbangan dalam pembangunan belia di negara ini. Pelbagai pihak telah mengorak langkah menjadikan belia sebagai agenda utama dalam pembangunan negara, sama ada pihak kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya. Usaha-usaha yang dilakukan ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menjadikan para belia siaga masa depan.

Belia juga memainkan peranan signifikan dalam mengembangluaskan dakwah dan syiar Ugama Islam di negara ini yang akan dapat membina satu barisan belia yang lebih kemas dan terarah serta saling bekerjasama berlandaskan ukhuwah, perpaduan dan niat yang baik. Pergerakan belia masjid yang begitu menyerlah dengan pelbagai bentuk program dan pendekatan kreatif merupakan satu perkembangan yang positif. Selain mengimarahkan masjid dengan aktiviti-aktiviti bersempena hari kebesaran Islam, penubuhan 'Belia Da'ie' merupakan kesinambungan beberapa program yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan sejak tahun 2012 di mana ia sangat signifikan dalam usaha negara menuju ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Dalam memastikan kehidupan rakyat dan penduduk di negara ini berkualiti tinggi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berterusan melaksanakan tanggungjawab, memeduli kebijakan dan kesejahteraan rakyat secara holistik, inklusif, komprehensif dan bersepada melalui strategi-strategi yang



Aktiviti amal dikendalikan oleh Sukarelawan Belia

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

praktikal, fleksibel dan berdaya tahan, yang responsif kepada keperluan dan cabaran semasa bagi memastikan tiada rakyat yang tercincir daripada jaringan jaminan social, termasuk kaum wanita.

Golongan wanita telah mencapai hampir semua aspek pembangunan seperti kesihatan, pendidikan, pekerjaan, penerimaan gaji yang setara atau *equal pay*, penyertaan ekonomi, pemilikan harta, perlindungan daripada keganasan dan penyertaan dalam forum kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Perjuangan hak dan perlindungan kaum wanita telah merentasi generasi dan sempadan serta meliputi pelbagai bidang yang saling berkait rapat, yang mana negara telah mencapai tahap pembangunan kaum wanita yang amat membanggakan sehingga dapat menandingi dan malah mengatasi pencapaian kaum lelaki dalam beberapa aspek. Sebagai contoh, berdasarkan kepada statistik sehingga November 2019, kaum wanita merangkumi 55% daripada 50,768 jumlah tenaga pekerja perkhidmatan awam. Jumlah ini merupakan satu pencapaian yang sangat positif dan membanggakan.

Perkembangan dan perubahan ini adalah selari dengan kehendak semasa dan selaras dengan dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang memberikan perhatian dan keutamaan kepada kebijakan dan kesejahteraan kaum wanita, terutama sekali di dalam memperkasa



Salah satu Majlis Keugamaan dihadiri oleh belia


Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

sumbangan wanita dari segi sosio-ekonomi dan kerjaya. Sejarah dengan kedudukan wanita sebagai nadi dalam sebuah keluarga dan mendukung pembangunan negara, satu Jawatankuasa Khas Institusi Keluarga dan Wanita di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial telah ditubuhkan. Lapan (8) isu utama dikenalpasti di bawah Jawatankuasa berkenaan iaitu Pengukuhan Institusi Keluarga; Keseimbangan Pekerjaan dan Keluarga; Ekonomi; Hak Wanita dan Perundungan; Sumber Maklumat Mengenai Keluarga; Kesihatan; Pendidikan; dan Mekanisme Memperkasa Wanita yang meliputi latihan dan kemahiran.

Institusi keluarga sememangnya merupakan asas masyarakat yang menyumbang ke arah perpaduan dan pembangunan negara, di mana Hari Keluarga Kebangsaan yang disambut setiap bulan Mei semenjak 2012 merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan bagi menjana masyarakat yang bersatu padu, berdaya tahan dan juga terhindar daripada segala bentuk gejala sosial, selain memupuk masyarakat yang pemelulian dan berkasih sayang. Mendukung dan mengukuhkan institusi keluarga adalah tanggungjawab bersama kerajaan, masyarakat dan individu sendiri. Setiap ahli keluarga perlu memainkan peranan masing-masing, saling hormat-menghormati dan bertolak ansur, sejajar dengan falsafah Negara Melayu Islam Beraja sebagai asas bagi pembinaan sebuah

keluarga yang mempunyai nilai-nilai luhur dan peka pada kemajuan dan pembangunan, berlandaskan ajaran Islam.

Ke arah meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam, usaha-usaha mengukuhkan perpaduan masyarakat turut dilaksanakan. Kemajuan dapat dilihat melalui penglibatan penduduk kampung dalam mengusahakan produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P). Pihak kerajaan turut membantu dalam sentiasa memastikan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung memenuhi persyaratan bagi mendapatkan sijil halal dan label halal bagi meningkatkan kualiti produk di pasaran. Selain itu, jualan produk-produk 1K1P di Dewan Berlepas (*Departure Hall*), Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan pasaraya-pasaraya juga merupakan salah satu inisiatif bagi membantu produk-produk penduduk mukim dan kampung meningkatkan ekonomi mereka dan sekaligus menaik taraf kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Pencapaian juga dapat dilihat dengan adanya laman web 1K1P iaitu <http://www.1k1p.gov.bn> bagi mempromosi 1K1P yang mencerminkan masyarakat di mukim dan kampung sentiasa *up-to-date* dengan perkembangan teknologi ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 dan *Smart Nation*.



Usaha bergotong-royong membersihkan kawasan masjid
Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Sesi Muzakarah bersama Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung memfokuskan kepada isu-isu semasa dan strategik, isu-isu kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk di mukim dan kampung yang merupakan pemimpin akar umbi masyarakat. Membina dan meningkatkan kapasiti ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dengan mengikuti bengkel dan kursus kemahiran mengikut keperluan dalam bidang-bidang tertentu seperti pertanian, masakan, kraftangan, pemeliharaan lebah madu kelulut dan sebagainya mencerminkan perpaduan masyarakat menuju matlamat kualiti hidup yang tinggi.


Salah satu pencapaian dalam perpaduan masyarakat juga termasuk pengawasan kejiranan yang ditubuhkan dengan kerjasama pihak Pasukan Polis Diraja Brunei dengan tujuan untuk menanamkan kefahaman dan kesedaran di kalangan masyarakat tentang kepentingan untuk sama-sama bertanggungjawab menjaga keamanan dan kestabilan negara. Strategi ke arah ini meliputi pencegahan jenayah dan kawalan keselamatan secara sukarela, mengamalkan sifat hormat-menghormati antara satu sama lain dan menyemaikan rasa muhibah serta kesefahaman dalam hidup bermasyarakat dan bernegara. Di samping itu, kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kenegaraan, kebudayaan, kesukunan dan keugamaan yang telah diusahakan oleh pihak kerajaan, pertubuhan dan persatuan-persatuan kebajikan turut mengukuhkan perpaduan masyarakat di negara ini.

ALAM SEKITAR

Negara Brunei Darussalam sentiasa komited kepada konsep pembangunan yang berterusan demi kemajuan sosio-ekonomi serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk. Disamping itu juga, negara mengutamakan pemeliharaan ekosistem alam sekitar yang lestari dalam semua aspek pembangunan yang dirancang agar ianya dilaksanakan dengan teratur dan berkesan bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk khususnya untuk diwariskan kepada generasi masa depan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam mencapai matlamat sebagai sebuah negara hijau yang bersih dan selamat serta berupaya menangani isu alam sekitar kesan daripada perubahan dan kepesatan pembangunan serantau dan global. Antara mercu pencapaian negara ialah penandatanganan Perjanjian Paris (*Paris Agreement*) pada 22 April 2016, yang bermatlamat untuk memperkasa tindak balas global kepada ancaman perubahan iklim dengan mengekalkan suhu global di bawah 2 darjah Celsius di atas paras *pre-industrial* dan untuk meneruskan usaha-usaha menghadkan peningkatan suhu yang lebih jauh lagi kepada 1.5 darjah Celsius. Negara Brunei Darussalam adalah merupakan salah satu negara pertama di kalangan negara-negara ASEAN yang menguatkuasakan '*Instruments of Ratification of the Paris Agreement*' pada 21 September 2016.

Oleh itu, Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam telah melancarkan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP) pada Julai 2020. Dasar tersebut disediakan untuk membentuk hala tuju Negara Brunei Darussalam ke arah menjadi sebuah negara lestari yang rendah



Menjaga kesejahteraan alam sekitar
Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

karbon serta berdaya tahan iklim seiring dengan Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035.



Usaha penanaman pokok-pokok

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Protokol Hijau telahpun diperkenalkan pada tahun 2021 sebagai satu garis panduan bagi sektor kerajaan melaksanakan BNCCP dengan menggariskan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi mengurangkan jejak karbon di premis-premis perkhidmatan awam dengan penggunaan teknologi efisien serta mengamalkan langkah-langkah penjimatan dalam tujuh elemen utama, iaitu Penggunaan Tenaga; Penggunaan Air; Penggunaan Kertas; Penggunaan Plastik; Pengurusan Pembuangan Sisa Pengurusan; dan Penanaman Pokok.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengukuhkan lagi inisiatif-inisiatif yang sedia ada, di samping meningkatkan lagi kesedaran di kalangan warga perkhidmatan awam. Salah satu elemen penting di bawah Protokol Hijau adalah penanaman pokok yang menekankan bagi setiap pokok yang ditebang dalam mana-mana projek kemajuan kerajaan, satu pokok baharu hendaklah ditanam semula bagi mengimbangi kehilangan kapasiti penyerapan karbon. Fokus utama Protokol Hijau adalah bagi menjadikan premis kerajaan sebagai 'Zon Bebas Botol Plastik' dan penanaman 500,000 pokok menjelang penghujung tahun 2035.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam masih lagi dikurniakan dengan kekayaan habitat alam semula jadi yang masih utuh yang membolehkan pelbagai hidupan liar berkembang biak, baik di daratan maupun di persekitaran air. Pemeliharaan alam sekitar yang lestari turut memfokuskan kepada kepentingan kepelbagaian biologi (biodiversiti) dalam penyediaan keperluan infrastruktur bagi mendukung kehidupan dan pembangunan di negara ini dan keperluan untuk menjaganya.

Usaha untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035 dalam perlindungan dan pemeliharaan biodiversiti ialah dengan mengawal pembangunan melalui keperluan Penilaian Kesan Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*, EIA) bagi projek-projek yang tersenarai sebagai Aktiviti Terjadual yang dikenalpasti mempunyai impak atau kesan terhadap alam sekitar. Keperluan ini telah pun dikuatkuasakan di bawah Perintah Perlindungan dan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Protection and Management Order 2016*) dan antara langkah-langkah yang dipraktikkan ialah menghindari kawasan-kawasan yang mempunyai kepentingan biodiversiti, menerokai kaedah-kaedah penyelesaian berdasarkan alam semula jadi (*nature-based solutions*), menggaris dan melaksanakan langkah-langkah mitigasi bagi mengelak dan mengurangkan kesan negatif seperti menguatkuasakan keperluan penempatan dan penanaman semula flora dan fauna, pemuliharaan kawasan yang terjejas dan sebagainya.



Usaha pemuliharaan penyu laut di Pusat Biodiversiti Marin

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Garis Panduan Kawalan Pencemaran bagi Pembangunan Perindustrian, dan Buku Panduan Kitar Semula 123 sebagai rujukan dan panduan mengenai kitar semula untuk kegunaan orang ramai juga telah diterbitkan.

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan dalam menjaga alam sekitar dan turut mendapat sokongan daripada sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan, institusi pendidikan dan masyarakat awam umumnya. Pelaksanaan amalan inisiatif hijau, seperti tidak menggunakan plastik, mengurangkan penggunaan tenaga dan menjimatkan elektrik, merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengekalkan keseimbangan dan keharmonian alam sekitar. Sejak 1 Januari 2019, Negara Brunei Darussalam telah berjaya melaksanakan Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik di kedai-kedai dan gedung-gedung perniagaan yang ikut serta. Usaha-usaha untuk mengurangkan penggunaan plastik turut disemai melalui seruan dan saranan kepada orang ramai agar menggunakan botol minuman sendiri, membawa bekas makanan dari rumah, menggunakan penyedut minuman mesra alam dan sebagainya. Di samping itu, cukai eksais bagi produk-produk plastik yang dinaikkan sebanyak 3% oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada 1 April 2017 merupakan salah satu lagi kemajuan kepada mengurangkan jumlah plastik yang dibuang di tapak pelupusan sampah.

Dalam pada itu, kaedah inisiatif '*Reuse, Reduce & Recycle*' (3R) bertujuan bagi memupuk kesedaran orang ramai untuk mengamalkan



Kempen kebersihan persisiran pantai

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

kaedah kitar semula secara bersih dan sihat, demi menjaga kebersihan, kesuburan dan keindahan alam sekitar di Negara Brunei Darussalam. Usaha kitar semula dapat mengurangkan bahan buangan, mengurangkan penggunaan bahan mentah baharu, mengurangkan penggunaan tenaga, mengurangkan pencemaran udara daripada pembakaran, pencemaran air daripada tapak pelupusan dan mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau berbanding penghasilan barang baharu daripada bahan mentah. Selain itu, ianya juga merupakan satu kaedah untuk pengurusan sampah yang betul dan berkesan. Sementara itu, pihak swasta, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), termasuk pihak sukarelawan turut sama membantu usaha murni kerajaan dengan melaksanakan pelbagai inisiatif, termasuk kempen-kempen kebersihan pantai dan sungai serta kempen kitar semula dalam sama-sama memulihara alam sekitar di negara ini.

Untuk mengekalkan persekitaran yang bersih, usaha berterusan memerlukan penglibatan semua lapisan masyarakat. Oleh itu, kesedaran yang tinggi terhadap alam sekitar haruslah wujud dalam diri setiap individu demi kelestarian alam sekitar. Inisiatif Bandarku Ceria telah diperkenalkan pada 2016 yang melaksanakan Hari Ahad Bebas Kereta di beberapa batang jalan raya di ibu negara ditutup bermula 6 pagi hingga 10 pagi untuk memudahkan orang ramai berkunjung ke ibu negara untuk bersenam atau beriadah bersama keluarga, menanamkan gaya hidup yang sihat serta menggalakkan peniaga kecil menjalankan perniagaan mereka dan mempromosikan budaya keusahawanan.



Inisiatif Setiap Hari Tanpa Beg Plastik

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

PEMBERIAN PERKHIDMATAN

Dari aspek pembangunan institusi sektor awam, Negara Brunei Darussalam telah mencapai peningkatan dalam kedudukan Indeks Keberkesanan Kerajaan (*Government Effectiveness Index*) keluaran *World Bank Group*, yang mana pada tahun 2021, negara berada di tangga ke-19 dengan skor 1.45 berbanding pada tahun 2016 di tangga ke-38 dengan skor 1.08 daripada 209 buah negara. Perkembangan signifikan ini adalah hasil daripada pelbagai usaha pemberian perkembangan dalam pemberian perkhidmatan atau '*service delivery*' kepada orang ramai yang telah dilaksanakan oleh Sektor Perkhidmatan Awam meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan awam, penyediaan infrastruktur, pengurusan kewangan dan lanskap politik sesebuah negara.

Dalam pada itu, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah merangka satu Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA) atau juga dikenali sebagai *Civil Service Framework* yang diperkenalkan pada tahun 2016. RKPA ini adalah bagi mendukung pencapaian matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 melalui Strategi Pembangunan Institusi yang berperanan ke arah pemberian perkhidmatan yang cemerlang.

Penggubalan dasar-dasar baru dan pengemaskinian dasar-dasar yang sedia ada turut dijalankan bagi penyelarasan dalam perubahan-perubahan atau transformasi perkhidmatan awam, khususnya dalam penyediaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi yang pantas berkembang. Tumpuan juga diberikan kepada kepimpinan, urus tadbir yang sempurna dan kecemerlangan pemberian perkhidmatan, yang memudah cara pertumbuhan ekonomi bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara.

Rajah 13: Antara lain perkhidmatan di atas talian yang disediakan bagi memudahkan urusan

	BrulPO Sistem pendaftaran paten, hak cipta dan sebagainya
	Sistem PSC Recruitment Sistem pengambilan pekerja
	Sistem e-Syariah Sistem mahkamah Syariah dan Sistem Munakahat
	Brunei Darussalam National Single Window Bagi proses deklarasi kastam
	Sistem Kebajikan Negara Bagi pendaftaran dan permohonan bantuan
	RTBGo Menyiarkan rancangan TV, radio dan sebagainya
	Aplikasi Mudah Alih Sejumlah aplikasi mudah alih disediakan seperti Pengguna Bijak dan InfoDeptBN

Di samping itu, ke arah memastikan kesejahteraan warga Perkhidmatan Awam di negara ini sentiasa dipeduli, beberapa inisiatif telah diperkenalkan seperti pengemaskinian Peraturan Cuti Beranak 2011 bagi rakyat dan penduduk tetap yang berkhidmat di sektor awam dan sektor swasta daripada 56 hari ke 105 hari, Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS), dan penyerapan perkhidmatan Gaji Hari dan *Open Vote* ke dalam perkhidmatan tetap secara berperingkat-peringkat bagi warganegara Brunei Darussalam yang memenuhi syarat.

INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM

Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dan sedang giat dilaksanakan bagi mencapai aspirasi Matlamat Kedua Wawasan Brunei 2035 seperti penyediaan perumahan Skim Rancangan Perumahan Negara, perancangan dan kemajuan guna tanah yang teratur, prasarana jalan raya dan jambatan, bekalan tenaga, sistem bekalan air bersih, dan sistem pembentungan dan saliran, termasuk mitigasi banjir.

Pelbagai inisiatif termasuk beberapa buah projek mega di bawah Rancangan Kemajuan Negara telah siap dilaksanakan dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini sentiasa terjamin dan dipeduli. Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam di negara ini turut mengambilkira keperluan orang kurang upaya bagi mendapatkan akses serta bilik-bilik khas bagi mereka yang memerlukan seperti bilik penyusuan ibu, surau dan sebagainya.

Kemudahan Perumahan

Dalam aspek perumahan, pelbagai dasar dan inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan rakyat mempunyai tempat kediaman yang selesa, mampu milik dan mampan melalui penyediaan Skim Perumahan Negara, Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ), dan perumahan bantuan dengan kerjasama agensi bukan kerajaan seperti Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB). Satu Jawatankuasa iaitu *Housing Focus Group* telah ditubuhkan bagi memastikan perancangan perumahan di negara ini dapat dilaksanakan dalam usaha mempercepatkan pembinaan rumah, di samping memberikan penekanan pada pembinaan yang berdaya tahan serta optima dari segi penggunaan tanah, kos dan



Salah satu Rancangan Perumahan Negara

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

pemberian subsidi kerajaan, selain mengambilkira keupayaan pemilik untuk membayar balik pinjaman perumahan.

Bekalan Air

Bekalan air bersih yang berterusan dan sistematik memberikan keselesaan kepada pengguna dalam menjalankan aktiviti sehari-hari. Air merupakan sumber yang paling asasi yang mesti diberikan penekanan kerana pembekalan air dapat membantu pembangunan dan ekonomi negara secara tidak langsung. Oleh itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan pengurusan sumber air yang efisien dan pengeluaran bekalan air bersih mengikut Piawaian World Health Organisation (WHO).

Ini termasuk inisiatif bagi mengurangkan kadar pembaziran air ke tahap yang lebih rendah melalui penggantian paip air lama. Kerajaan akan terus melaksanakan usaha-usaha bagi memastikan bekalan air bersih dan mencukupi akan dapat dibekalkan seiring dengan meningkatnya aktiviti pembangunan seperti pertanian, industri dan perumahan. Beberapa inisiatif yang telah dilaksanakan seperti menaiktaraf Loji Rawatan Air Mengkubau, pembinaan Loji Rawatan Air, pembinaan Stesen Pam Air Mentah, menaiktaraf Tangki Simpanan Air dan Pam Air Bersih – Bukit Barun Peringkat 7, dan pembinaan Empangan Ulu Tutong.

Namun, dengan penggunaan air di Negara Brunei Darussalam adalah antara yang tertinggi di rantau Asia dengan pemakaian 380 liter seorang sehari, ketahanan sumber air bagi generasi yang akan datang akan terjejas jika kesedaran mengenai penggunaan air secara bijak dan bercermat masih di tahap rendah.



Usaha-usaha penambahbaikan dan penggantian paip air

Sumber foto: Seri Ghanim Contractor Sdn Bhd

Bekalan Tenaga

Perkhidmatan elektrik telah melalui arus perkembangan mengikut peredaran masa selaras dengan peningkatan jumlah penduduk, perkembangan pembangunan dan kemajuan teknologi.

Pihak kerajaan telah dan akan terus berusaha bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat dan memastikan bekalan elektrik yang mencukupi, berkualiti dan *reliable* sejajar dengan ketiga-tiga komponen utama dalam pembekalan elektrik iaitu penjanaan, penghantaran dan pembahagian seperti memperbaharui dan menaiktaraf jana kuasa, pengukuhan talian kawat atas voltan tinggi, penambahan rangkaian pembahagian talian voltan rendah, dan pengurusan aset atau inventori rangkaian bekalan tenaga elektrik, termasuk pengurusan kawalan rangkaian, pengawasan kawalan dan sistem perolehan data (SCADA), dan pemasangan lampu-lampu awam. Dengan pelaksanaan ini, iaanya dapat membantu memenuhi keperluan bekalan tenaga elektrik bagi jangka masa panjang dan memastikan mutu bekalan tenaga elektrik yang berkualiti dan memuaskan. Pada memastikan adanya sumber tenaga alternatif selain daripada bahan fosil bagi penjanaan tenaga elektrik dan usaha mitigasi negara terhadap perubahan iklim, Logi Tenaga Suria Brunei (TSB) telahpun dilancarkan pada tahun 2010.

Selain itu, transformasi landskap sektor tenaga negara terus dipantau melalui aktiviti-aktiviti pengawalseliaan. Penubuhan autoriti-autoriti seperti Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam; Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA); dan Autoriti Elektrik Negara Brunei Darussalam akan memastikan bahawa perkembangan tenaga adalah selamat dan selaras dengan kepentingan rakyat dan penduduk. SHENA yang diberi mandat di bawah Perintah SHENA 2018 bertujuan untuk melaksanakan undang-undang dan peraturan berkaitan keselamatan, kesihatan, alam sekitar dan radiasi di semua sektor industri dan bukan industri termasuk institusi pendidikan, premis kerajaan dan komersial.



Perancangan Guna Tanah dan Kawalan Kemajuan

Penyediaan tanah bagi memenuhi keperluan agensi-agensi dalam mengembangluaskan sektor pertanian, komersial dan industri akan terus diberi keutamaan demi mendukung pembangunan sosial dan ekonomi negara. Salah satunya ialah kemajuan strata yang bertujuan untuk membolehkan pemilikan harta tanah berupa unit-unit dalam bangunan di negara ini, termasuk keperluan bagi pengurusan aset bangunan secara teratur melalui '*strata corporation*' telah mula berkuatkuasa pada bulan Julai 2009. Penubuhan Lembaga Penilai dan Ejen Hartanah (BOVEA) di Kementerian Pembangunan bertujuan untuk mengawalselia penilai dan penaksir harta tanah di samping mempercepatkan lagi proses urusan harta tanah, khususnya dalam meningkatkan kedudukan negara dalam *ranking 'ease of doing business'*.

Beberapa penggubalan akta dan peraturan baharu berkenaan infrastruktur juga sedang dan telah dikemaskinikan dengan hasrat untuk memberikan impak positif dan menjaga kepentingan orang ramai seperti *Building Control Regulation 2020 (Composition of Offences)* di bawah Perintah Kawalan Bangunan (*Building Control Order*), 2014 yang telah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2020, dan Pelaksanaan Pendaftaran Kaveat adalah sebahagian daripada Perintah (pindaan) bagi Perintah Kanun Tanah (2016) bagi Pelaksanaan Pendaftaran Kaveat, khususnya Seksyen 5 yang telah dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 2021.

Sistem Pembentungan

Kerajaan juga memberi perhatian kepada penyediaan sistem kebersihan atau pembentungan yang teratur dengan meningkatkan taraf loji rawatan kumbahan yang sedia ada dan meluaskan lagi pemberian perkhidmatan pembentungan di negara ini. Di antara kawasan bagi usaha-usaha menambahbaik sistem pembentungan yang telah siap dilaksanakan ialah Jalan Manggis Satu dan Jalan Manggis Dua, Kampong Telanai, Madewa, Bunut dan Bengkurong, dan Kampong Berangan, Kianggeh dan Subok.

Mitigasi Banjir

Isu banjir yang sering melanda negara terutama di kawasan-kawasan yang rendah turut diberikan keutamaan bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam melalui pelaksanaan inisiatif-inisiatif pencegahan banjir seperti kerja-kerja pengaliran sungai yang telah dilaksanakan bagi mencegah kejadian banjir di kawasan Panaga, Daerah Belait dan saliran air di Sungai Kedayan Fasa 5. Inisiatif pengaliran air bukan sahaja bertujuan bagi pengawalan banjir malahan juga bagi mewujudkan persekitaran yang lebih baik di samping meningkatkan kapasiti aliran.



Projek pencegahan banjir di hulu and hilir Sungai Tutong
Sumber foto: BruDirect.com

Prasarana Perhubungan (Connectivity) dan Pengangkutan Awam

Perkembangan signifikan besar dalam prasarana perhubungan (*connectivity*) juga turut dicapai dengan siapnya Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien menghubungkan Daerah Brunei-Muara dan Daerah Temburong, yang telah dibukakan kepada orang ramai pada 17 Mac 2021. Jambatan sepanjang 30 kilometer itu merupakan salah satu lagi mercu tanda pembangunan negara moden khususnya dalam kemajuan infrastruktur perhubungan jalan raya dan yang berupaya memenuhi keperluan, kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk di negara ini. Manakala, pembinaan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang merupakan *cable stayed bridge* yang pertama di negara ini menghubungkan Kampong Sungai Kebun dan Jalan Residency di kawasan Bandar Seri Begawan telah selesai dilaksanakan dan dilancarkan pada tahun 2017.



Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Selain itu, sistem pengangkutan awam udara, laut dan darat telah banyak melalui perubahan dan perkembangan sejak beberapa dekad ini. Sistem pengangkutan awam darat khusus bas dan teksi juga mengalami perubahan dan perkembangan seperti Sistem Perkhidmatan *Dart*.



Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha
Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Perkembangan Infrastruktur dan Kemudahan Awam yang Lain

Beberapa pencapaian dan perkembangan lain dari sudut infrastruktur dan kemudahan awam adalah seperti berikut:

- Pusat Kesihatan Wanita dan Kanak-Kanak, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha yang telah siap dibina dan mula beroperasi pada 12 Januari 2015 memberikan perkhidmatan-perkhidmatan khusus kepada wanita-wanita dan kanak-kanak. Selain itu, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) merupakan sebuah hospital pakar swasta yang menempatkan Pusat Kanser Brunei, pusat perubatan negara bagi rawatan kes kanser, dan Pusat Neurosains dan Rehabilitasi Strok Brunei, pusat perubatan bagi pemulihan strok dan kes neurologi yang lain juga telah dibina bagi memudahkan rakyat dan penduduk mendapatkan perkhidmatan perubatan mengenai penyakit kanser, neuro dan strok.

- Makmal Virologi Kebangsaan dan Pusat Pengasingan Kebangsaan telah dibina bagi memastikan keselamatan dan kesihatan orang ramai terjamin semasa penularan wabak COVID-19 dan juga bagi menangani penyakit-penyakit berjangkit di masa hadapan.

- Bangunan-bangunan sekolah seperti Sekolah Arab di Perumahan Negara Kampong Katok dan Perumahan Negara Kampong Rimba, Daerah Brunei dan Muara.

- Masjid dan surau serta balai-balai ibadah mencapai perkembangan yang signifikan yang mencerminkan usaha kerajaan dalam menegak dan menyebarluaskan syiar Agama Islam di samping sebagai tempat beribadah dan mengadakan kegiatan-kegiatan berkebajikan. Contohnya, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis Madang di Daerah Brunei Muara, dan Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampong Sengkarai, Daerah Tutong.

- Taman Mahkota Jubli Emas yang merupakan sebuah taman rekreasi yang mencerminkan identiti dan budaya negara yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja. Antara objektif pembinaannya adalah untuk mengurangkan banjir di kawasan tadahan Sungai Kedayan selain untuk meningkatkan perhubungan dan mempromosi gaya hidup sihat dan menyediakan kawasan baru bagi pembangunan ekonomi di masa hadapan.



“ Kerajaan Beta, Insya Allah akan sentiasa memastikan kesan tersebut tidak memberi impak negatif kepada daya tahan negara dalam usahanya mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menarik pelabur langsung asing, sekaligus mengukuhkan lagi status fiskal negara ”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-74 Tahun 1441H/2020M



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri




Sumber foto: Laporan Penerangan, Jabatan Perdagangan dan Perindustrian

MATLAMAT 3: EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

Bagi Matlamat 3, negara berhasrat untuk berada di kalangan 10 negara teratas di dunia dari segi pendapatan (Keluaran Dalam Negeri Kasar, KDNK) per kapita (*Purchasing Power Parity, PPP*)

10
KEDUDUKAN KDNK
PER KAPITA (PPP),
2021



Sumber: Laporan World Economic Outlook October 2022 keluaran International Monetary Fund (IMF)

Negara Brunei Darussalam kekal berada di kedudukan antara 10 negara teratas di dunia dari segi KDNK per kapita (PPP) pada tahun 2021 iaitu menduduki tangga ke-10 daripada 195 buah negara.

PENCAPIAAN

Pembangunan ekonomi negara menjadi antara sasaran utama Wawasan Brunei 2035 ke arah mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada Sektor Minyak dan Gas melalui peningkatan pembangunan Sektor Bukan Minyak dan Gas serta perkembangan sektor swasta yang mantap dan meluas. Komitmen dalam mencapai Matlamat 3 Wawasan Brunei 2035 iaitu ‘Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan’ akan membolehkan kita untuk terus menampung pembangunan negara dengan lebih pesat dan mengekalkan taraf kehidupan rakyat yang tinggi.

USAHA KE ARAH PERKEMBANGAN EKONOMI

Pelbagai usaha dan inisiatif kerajaan telah dilaksanakan bagi mencapai pembangunan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Tumpuan terhadap strategi dan pelan tindakan yang memfokuskan kepada pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi serta penjanaan peluang pekerjaan yang dipacu oleh sektor swasta di dalam sektor-sektor berkeutamaan yang telah dikenalpasti melalui peningkatan produktiviti, pelaburan dan penggunaan teknologi dan inovasi, kestabilan dan pengukuhan ekonomi dihasratkan untuk akan dapat terus dipertingkatkan.

Berasaskan aspirasi ini, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak-pihak berkepentingan dari kalangan Kementerian, Jabatan dan agensi kerajaan berkaitan ekonomi, termasuk sektor swasta, pihak awam dan Pertubuhan Bukan Kerajaan tertentu, sebagai satu usaha bersepada melalui pendekatan *Whole-of-Government* dan *Whole-of-Nation*. Usaha pembangunan ekonomi merangkumi pelbagai aspek termasuk menyatupadukan penggunaan sumber-sumber ekonomi, perancangan kementerian-kementerian, sumber tenaga manusia dan memberi hala tuju strategik dalam menarik pelaburan langsung asing yang akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Kepentingan pembangunan ekonomi semakin ditekankan melalui pertukaran nama Kementerian Kewangan kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dengan penyerapan beberapa bidang ekonomi iaitu hal ehwal perindustrian dan perdagangan.

Pada tahun 2021, *Brunei Darussalam Economic Blueprint* telah dilancarkan dan dilaksanakan di bawah pemantauan Jawatankuasa Kerja *Economic* Wawasan Brunei 2035. *Brunei Darussalam Economic Blueprint* berperanan sebagai ‘guiding principle’ bagi mensejajarkan pelan-pelan strategik, pelan-pelan induk dan dasar-dasar agensi-agensi kerajaan ke arah mencapai matlamat ketiga Wawasan Brunei 2035.

Brunei Darussalam Economic Blueprint menggariskan enam (6) aspirasi didukung oleh lebih dari 30 haluan dasar. Aspirasi 1 ialah *Productive & Vibrant Business*, Aspirasi 2 ialah *Skilled Adaptable & Innovative People*, Aspirasi 3 ialah *Open & Globally Connected Economy*, Aspirasi 4 ialah *Green & Sustainable Environment*, Aspirasi 5 ialah *High Quality & Competitive Economic Infrastructure*, dan Aspirasi 6 ialah *Good Governance & Public Service Excellence*.





Salah satu tapak perusahaan perikanan di Negara Brunei Darussalam

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Peta Jalan Industri (*Industry Roadmap*) juga disediakan bertujuan untuk menghasilkan ekosistem perindustrian yang kondusif, dan meningkatkan kebolehlaksanaan dan daya saing sektor-sektor utama sekaligus menjurus kepada pertumbuhan ekonomi. Lima sektor ekonomi yang diberi keutamaan ialah Industri Hiliran Minyak dan Gas, Industri Makanan, Industri Info-Komunikasi dan Teknologi (ICT), Industri Pelancongan dan Sektor Perkhidmatan.

Pengukuhan sektor swasta terutamanya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) juga terus mendapat perhatian kerajaan. Ini termasuk penyediaan Pelan Induk Ekonomi Digital 2025 yang memfokuskan kepada pelaksanaan projek-projek utama di bawah sembilan kluster yang dikenalpasti dapat menjana pertumbuhan ekonomi melalui pelaksanaan transformasi digital. Kluster-kluster berkenaan adalah Logistik dan Pengangkutan; Tenaga; Sektor Perniagaan; Pelancongan; Perkhidmatan Kewangan; Kesihatan; Agri-makanan; Pendidikan; dan Halal.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penubuhan Syarikat P Cube Sendirian Berhad (P Cube) pada 14 Mei 2019 sebagai anak syarikat di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), berperanan untuk meneliti cadangan-cadangan projek *Public Private Partnership* atau PPP termasuk

melaksanakan pengurusan projek atau aset kerajaan yang berpotensi untuk menggunakan kaedah PPP. Sejak penubuhannya, beberapa buah projek dan perkhidmatan kerajaan telah dikenalpasti untuk dilaksanakan dengan menggunakan kaedah PPP.

Dalam usaha Kementerian Kewangan dan Ekonomi mendokong *Fiscal Consolidation Programme*, Kementerian ini telah menujuhkan Jawatankuasa Khas Pengkorporatan dan Kerjasama Awam Swasta (JKPKAS) pada 29 Januari 2019 bagi menilai projek-projek yang bersesuaian untuk dilaksanakan secara kaedah PPP ataupun *consolidation*. Garispandu PPP Kebangsaan telah dikemaskini pada Mac 2022 dan telah diperkenan untuk digunakan bagi melaksanakan projek-projek yang dikenalpasti boleh dilaksanakan menggunakan kaedah PPP.

Di dalam usaha untuk menarik pelaburan tempatan dan asing melalui pelaburan langsung asing (*Foreign Direct Investment*) pula, beberapa inisiatif bagi memudahkan perniagaan termasuk meningkatkan kolaborasi dengan agensi berkepentingan sedang giat dijalankan. Dalam masa yang sama, penubuhan beberapa Autoriti seperti Autoriti Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) dan *Brunei Darussalam Food Authority* (BDFA) diharap dapat memberi 'spin off' bagi pertumbuhan sektor swasta serta mewujudkan peluang pekerjaan baharu.

Dari aspek mengurangkan kadar pengangguran, pihak kerajaan menubuhkan *Manpower Planning and Employment Council* (MPEC) untuk menangani isu-isu pengangguran secara efisien. Beberapa program turut diadakan seperti Pusat Pembangunan Belia, Pusat Pembangunan Kapasiti serta bantuan kepada belia-belia dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) bagi menjadikan para belia '*marketable and employable*' dan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk terus relevan selaras dengan permintaan industri.

Meskipun negara aktif mengadakan perancangan dan pelaksanaan program dan inisiatif bagi mempelbagaikan ekonomi, negara masih lagi berdepan dengan cabaran imbalan fiskal memandangkan ekonomi negara yang masih lagi bergantung kepada hasil pendapatan dari sektor minyak dan gas. Dengan pergantungan itu, prestasi pertumbuhan ekonomi negara dan hasil pendapatan kerajaan masing-masing mudah terjejas dengan tahap pengeluaran dan harga minyak dan gas negara. Oleh itu, beberapa inisiatif telah dijalankan bagi mengoptimakan penggunaan kewangan kerajaan dan seterusnya mengukuhkan pembangunan ekonomi negara. Antara inisiatif tersebut adalah *Fiscal Consolidation Programme* di bawah kendalian Kementerian Kewangan dan Ekonomi, dengan matlamat untuk mengukuhkan kestabilan fiskal negara serta mengawal kesan negatif dalam jangka masa sederhana dan panjang.

Di bawah Program *Fiscal Consolidation* ini, terdapat keperluan bagi meneliti semula dasar atau *core functions* dan aktiviti dalam struktur peruntukan kementerian dan jabatan, termasuk mengenalpasti '*Structural Reform*' yang bersesuaian, '*streamlining*' proses pentadbiran, menerokai kaedah baru di dalam penyampaian perkhidmatan awam, serta mengorientasikan perbelanjaan ke arah kegiatan yang menggalakkan pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi dan penggunaan sumber yang lebih efisien bagi meningkatkan kecekapan di dalam melaksanakan perbelanjaan kerajaan.

PEMBANGUNAN KEUTAMAAN

SEKTOR-SEKTOR

Melalui *Brunei Darussalam Economic Blueprint 2020-2035*, lima sektor utama telah dikenalpasti berdasarkan sumbangannya terhadap KDNK, potensi eksport dan penjanaan pekerjaan, iaitu industri Hilir Minyak dan Gas, Industri Makanan, Industri Info-Komunikasi dan Teknologi (ICT), Industri Pelancongan dan Sektor Perkhidmatan, yang masing-masing akan mempunyai *Industry Roadmap* sendiri kepada mengukuhkan kedayaingan sektor-sektor tersebut.

Pada tahun 2021, Sektor Makanan (Pertanian, Ternakan, Perikanan dan Pembuatan Makanan dan Minuman Ringan) menyumbang 1.3% kepada KDNK. Antara inisiatif yang berkaitan adalah mengadakan perancangan bagi menambahbaik dan meningkatkan sistem infrastruktur yang dapat menjana produktiviti pertanian dan agrimakanan dan perikanan; memajukan dan membuka tapak-tapak bagi industri akuakultur termasuk penyediaan kemudahan asas, menyedia dan menggalakkan kemudahan pembiayaan kewangan untuk membantu perkembangan perniagaan tempatan; meningkatkan pendedahan pengusaha tempatan kepada pasaran antarabangsa; dan menyediakan persekitaran perniagaan yang kondusif.



Penjualan produk kraf tangan Brunei
Sumber foto: Jabatan Peranginan, Jabatan Perdana Menteri

Sektor Pelancongan (Hotel dan Restoran) menyumbang 1.1% kepada KDNK. Ketibaan pelancong antarabangsa melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei terus meningkat secara purata sebanyak 11.4% setahun sejak tahun 2015 hingga tahun 2019. Walau bagaimanapun, sekatan perjalanan akibat wabak COVID-19 menyebabkan ia hanya mengalami penurunan yang sangat drastik iaitu sebanyak 94.3% pada tahun 2021.

Antara inisiatif yang menjurus kepada penambahbaikan sektor pelancongan ialah kerjasama yang rapat di antara pihak kerajaan dengan ejen-ejen pelancongan serta syarikat yang berkepentingan dalam mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pilihan pelancong; pengenalan dan penambahbaikan kepada produk pelancongan; projek-projek promosi dan pemasaran serta peningkatan perhubungan udara. Walau bagaimanapun, sektor pelancongan negara adalah antara sektor yang teruk terjejas oleh pandemik COVID-19, dengan penurunan kedatangan pelancong antarabangsa daripada 333,244 pada tahun 2019 kepada 3,543 pada tahun 2021.

Sektor Perkhidmatan (Pengangkutan, Kewangan dan Perkhidmatan Perniagaan) menyumbang kira-kira 8.6% kepada KDNK pada tahun 2021. Walaupun demikian, Sektor Perkhidmatan turut terjejas terutamanya Subsektor Pengangkutan Udara dan Air disebabkan oleh penularan jangkitan wabak COVID-19.

Namun, beberapa subsektor perkhidmatan telah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan seperti Perkhidmatan Kewangan (1.6%), Hartanah & Pemilikan Kediaman (2.2%), Perhubungan (4.4%). Peningkatan Subsektor Perkhidmatan Kewangan adalah berikutan peningkatan pendapatan pelaburan berkaitan dengan aktiviti perkhidmatan perbankan. Inisiatif seperti 'Hari Menabung Kebangsaan' bagi menggalakkan aktiviti simpanan dan pelaburan di kalangan rakyat dan penduduk negara turut sedikit sebanyak menyumbang kepada peningkatan subsektor ini.



Brunei Fertilizer Industries.

Sumber foto: Laman sesawang Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd

Sektor ICT (Komunikasi) pula menyumbang 1.7% kepada KDNK dan menjadi salah satu sektor penting bagi mendukung ekonomi digital. *Digital Economy Masterplan 2025* yang dilancarkan pada bulan Jun 2020, menggariskan strategi bagi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi *Smart Nation* yang mempunyai masyarakat digital dan bersedia untuk masa depan, ekonomi yang cergas dan mampan serta ekosistem digital yang kondusif.


Akhir sekali, antara sektor perindustrian yang kini dilihat berpotensi untuk dimajukan ialah sektor hiliran minyak dan gas. Sejak dua tahun kebelakangan, sektor hiliran mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 321.8% secara purata. Beberapa buah syarikat di negara ini yang telah bergiat aktif dalam memajukan perindustrian hiliran minyak dan gas adalah seperti Syarikat Brunei Methanol Sdn Bhd (BMC) yang merupakan kilang metanol dan telah beroperasi sejak 2010, Loji Penapisan dan Petrokimia Pulau Muara Besar yang dikendalikan oleh Hengyi Industries Sdn Bhd (Hengyi Industries) sejak akhir tahun 2019, dan Brunei Fertilizer Industries Sdn Bhd (BFI) dengan perancangan pengeluaran urea pertamanya pada awal tahun 2022.

PRESTASI MAKROEKONOMI

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)

Berasaskan perangkaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, ekonomi negara dijangka akan terus pulih dengan sokongan aliran masuk Pelaburan Langsung Asing (FDI) yang kukuh dan permulaan operasi penapisan berskala besar.

Rajah 14: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Sektor Minyak dan Gas, dan Sektor Bukan Minyak dan Gas.




Sumber data: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Secara keseluruhan, kebergantungan kepada sumber hidrokarbon sebagai industri utama mempengaruhi kedayatahanan dan prestasi ekonomi negara. Melihat kepada perkembangan ekonomi bagi tempoh lima tahun kebelakangan, ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan positif pada kadar 1.3% pada tahun 2017, 2018 0.1% dan 2019 3.9% dan 2020 1.1%. Manakala pada tahun 2021, ekonomi negara telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.6% berikutan penurunan sektor minyak dan gas (**Rajah 14**). Dari segi kedudukan KDNK per kapita, Negara Brunei Darussalam menduduki tangga ke-10 pada tahun 2021 menurut Laporan *World Economic Outlook October 2022* keluaran International Monetary Fund (IMF) (**Rajah 15**).

Peningkatan di beberapa sektor secara konsisten seperti Sektor Perkhidmatan Perdagangan Borong dan Runcit, Perkhidmatan Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman, dan Perkhidmatan Kesihatan telah menyumbang kepada pertumbuhan Sektor Bukan Minyak dan Gas dalam beberapa tahun kebelakangan, dengan pertumbuhan ketara Sektor Perkhidmatan pada tahun 2021 pada kadar 2.5%.

Pada tahun 2021, Sektor Industri merupakan penyumbang terbesar kepada keseluruhan KDNK pada kadar 61.7%, diikuti oleh Sektor Perkhidmatan sebanyak 37.0% dan Sektor Pertanian, Perhutanan dan Perikanan sebanyak 1.2%. Meskipun Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatatkan pertumbuhan positif, pencapaian secara keseluruhan diimbangi oleh penurunan Sektor Minyak dan Gas.



Perdagangan Luar

Kebergantungan yang tinggi terhadap pengeluaran dan eksport minyak dan gas menyebabkan ekonomi negara berdepan dengan impak negatif akibat daripada penurunan ekonomi global, yang menyebabkan harga minyak jatuh serta permintaan minyak dunia yang menurun. Ini dapat dilihat di **Rajah 16**, yang mana imbalan perdagangan menurun secara drastik dari tahun 2014 hingga 2016. Namun, pada tahun 2017, imbalan perdagangan mencatatkan peningkatan sebanyak 11.4% kepada BND3,454.8 juta dari BND3,101.0 juta pada tahun 2016.

Rajah 16: Imbangan Perdagangan, Jumlah Eksport dan Jumlah Import (BND juta), 2013 – 2020.



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Bagi tahun-tahun berikutnya, nilai imbangan perdagangan mencatatkan penurunan di sebalik pertumbuhan eksport yang lebih perlahan khususnya pada tahun 2019 dan penurunan pada tahun 2020. Manakala, import meningkat dengan pantas pada tahun 2018 dan 2019 sebelum tumbuh lebih perlahan pada tahun 2020.

Pada tahun 2021, nilai imbangan perdagangan mencatat peningkatan sebanyak \$2.6 bilion di mana eksport meningkat lebih tinggi berbanding import. Pada tahun 2021, domestik eksport Sektor Minyak dan Gas bernilai sebanyak \$6.38 bilion (46.5%) manakala domestik eksport Sektor Bukan Minyak dan Gas bernilai \$7.34 bilion (53.5%). Jumlah perdagangan meningkat secara berterusan bermula tahun 2017 sehingga 2021 mengambilkira pertumbuhan positif kedua-dua nilai eksport dan import.



Salah satu kapal tangki LNG di bawah Brunei Gas Carriers Sdn Bhd

Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Indeks Harga Pengguna (IHP)

Indeks Harga Pengguna (IHP) adalah pada tahap minima dalam tempoh tahun 2015 hingga 2019. IHP melonjak naik pada kadar 3.7% pada tahun 2022 mencatatkan kadar yang tertinggi sejak tahun 2015. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan harga Makanan dan Minuman Ringan sebanyak 5.1% dan Bukan Makanan sebanyak 3.3% (**Rajah 17**). Peningkatan inflasi negara adalah berpunca dari rantaian bekalan barang global yang terjejas oleh ketegangan geopolitikal, sekatan eksport daripada pihak pengeluar komoditi, serta kos pengangkutan dan logistik yang meningkat.

Rajah 17: Indeks Harga Pengguna, 2015 – 2022.



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Prestasi Fiskal

Peningkatan harga minyak sehingga mencecah USD72.1 setong pada tahun 2021 telah menyumbang kepada peningkatan hasil minyak dan gas kepada BND4.0 bilion pada Tahun Kewangan 2021/2022 daripada BND1.2 bilion pada Tahun Kewangan 2020/2021 (**Rajah 18**).

Pada Tahun Kewangan 2021/2022, negara telah mengalami imbalan defisit sebanyak BND1.0 bilion. Dalam menangani fiskal defisit yang berterusan, antara usaha-usaha kerajaan adalah dengan meluaskan asas hasil pendapatan kerajaan dan mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan berkesan antaranya melalui program *Fiscal Consolidation*.

Pekerjaan


Saiz tenaga kerja Negara Brunei Darussalam berjumlah 223,300 atau 63.7% daripada jumlah penduduk yang berumur 15 tahun ke atas berdasarkan Laporan Kajian Tenaga Kerja (KTK) 2021.

Seramai 212,400 penduduk yang bekerja dan 10,956 yang menganggur, menjadikan kadar pengangguran sebanyak 4.9%, berbanding kadar pengangguran 7.4% pada tahun 2020.


Seramai 67,000 orang (31.5%) bekerja di sektor kerajaan merangkumi aktiviti pentadbiran awam dan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan seperti pendidikan, kesihatan, elektrik dan air. Manakala, seramai 145,400 orang (68.5%) bekerja di sektor swasta. Jenis aktiviti ekonomi yang meliputi kedua-dua sektor kerajaan dan swasta menunjukkan bahawa pentadbiran awam menyumbang bahagian terbesar sebanyak 21.9% (46,600 orang). Ini diikuti oleh perdagangan borong dan runcit sebanyak 15.7% (33,200 orang) dan aktiviti pembinaan sebanyak 9.2% (19,600 orang).

Penjagaan kebijakan sosial tenaga kerja di negara ini sentiasa terjaga melalui pelaksanaan Perintah Pekerjaan, 2009, iaitu satu perintah yang memperuntukkan terma dan syarat minimum pekerjaan yang *standard* bagi setiap majikan untuk sentiasa memantau hal ehwal kebijakan pekerja di sektor swasta. Manakala, perkhidmatan awam adalah ditanggung oleh pihak kerajaan dari segi elaun-elaun khas dan faedah pekerjaan, penjagaan kesihatan, di samping pembayaran gaji pendapatan. Sumbangan para majikan di kedua-dua sektor terhadap skim persaraan seperti skim-skim Tabung Amanah Pekerja (TAP), *Supplemental Contributory Pensions* (SCP), dan skim baharu yang dikenali sebagai Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) juga mengukuhkan kesejahteraan sosial tenaga kerja di negara ini.

Rajah 18: Imbalan Fiskal Kerajaan, Tahun Kewangan 2010/2011 – 2021/2022. Sumber data: Jabatan Perpendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi



Sumber: Jabatan Perpendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi



“ Tidaklah wajar membiarkan Wawasan ini sebagai satu retorik intelektual semata-mata, yang cuma indah dalam sebutan. Tetapi kita mesti melaksanakannya dengan penuh komitmen dan bersungguh-sungguh. Kita perlu bertindak lebih tangkas bagi menghasilkan impak yang tinggi yang boleh menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara. ”

*Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Sempena Sambutan Hari Kebangsaan yang Ke-33 pada 23 Februari 2017*



Sumber foto-foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



BAHAGIAN **3**

**MENUJU
KE ARAH 2035**

LANGKAH KE HADAPAN

Hasil pemantauan dan penelitian ke atas perkembangan Wawasan Brunei 2035 dan analisa-analisa berkaitan, termasuk menerokai tren-tren masa depan, menunjukkan bahawa beberapa perkara utama di bawah setiap matlamat Wawasan penting untuk diberikan fokus.

Pemantauan dan penelitian ke atas perkembangan Wawasan Brunei 2035 bagi tahun 2015 hingga tahun 2022 mendapati bahawa pelbagai usaha merangkumi bidang-bidang keutamaan berjaya dijalankan dan memberikan impak kepada keberhasilan pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035. Dalam masa yang sama, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan dan ditangani secara holistik dan sepadu. Sinergi kerjasama perlu diperkuuhkan di kalangan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan pencapaian keutamaan-keutamaan yang disepakati bersama. Beberapa dapatan utama adalah seperti berikut:

- **Penilaian dan penyelaras** dengan pelan-pelan pembangunan dan strategik kementerian dan agensi-agensi berkaitan perlu diperkuuhkan. Ini penting bagi memberikan gambaran jelas tentang pensejajaran perancangan di peringkat agensi dengan Wawasan Brunei 2035 serta mengenalpasti sebarang pertindihan atau keutamaan yang bertentangan semata-mata bagi memastikan usaha adalah lebih sepadu dan penggunaan sumber sedia ada secara optima;
- **Perbincangan dan kerjasama serta komitmen padu yang berterusan** daripada semua pihak termasuk sektor awam, swasta, pihak-pihak berkepentingan dan orang ramai adalah penting, terutama sekali dalam mendapatkan *buy-in* dan sebarang pandangan dan tindakan penambahbaikan yang diperlukan dari masa ke semasa. Penglibatan dan kerjasama daripada pihak-pihak pelaksana dan orang ramai penting bagi memupuk semangat kekitaan dan tanggungjawab bersama bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035; dan
- Usaha bagi merealisasikan hasrat Wawasan Brunei 2035 perlu mengambilira **perubahan semasa atau tren-tren yang pantas berubah**. Dalam pada itu, apa juar usaha yang dijalankan di bawah Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 perlu sentiasa relevan, pragmatik dan *robust*.

Penelitian perkembangan bagi setiap matlamat Wawasan Brunei 2035 telah dilaksanakan melalui pengumpulan dan penganalisaan data dan juga berdasarkan maklumat tambahan yang ada seperti inisiatif-inisiatif terkini, perkembangan semasa, perbandingan amalan-amalan terbaik antarabangsa yang bersesuaian dan sebagainya. Rumusan perkara-perkara utama yang perlu diberikan fokus bagi setiap matlamat adalah seperti berikut:

- Bagi **Matlamat 1**, pelbagai usaha telahpun dijalankan bagi meningkatkan kualiti pendidikan secara keseluruhan. Namun, lebih banyak usaha diperlukan dalam memantapkan eko-sistem pendidikan dan pembangunan tenaga manusia bagi memastikan kesiapsiagaan untuk masa depan '*fit for purpose for today and the future*'. Ini akan dapat membantu dalam mencapai hasrat untuk menghasilkan tenaga kerja yang berkelayakan dan berkemahiran tinggi yang akan lebih bersedia kepada suasana masa depan kerja yang pesat berubah.
- Bagi **Matlamat 2**, usaha dalam aspek kualiti hidup perlu mensasarkan kepada menjamin dan memastikan aspek kesejahteraan (*well-being*) dan keselamatan secara lebih komprehensif, termasuk keperluan bagi menghadapi cabaran semasa dan masa depan.

- Bagi **Matlamat 3**, usaha perlu menjurus kepada mengadakan satu Model Pembangunan Ekonomi yang lebih fokus kepada pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan mempelbagaikan aktiviti perekonomian melalui peningkatan keupayaan dan penglibatan berterusan daripada sektor swasta bagi memastikan kedayatahanan ekonomi negara.

Manpower Blueprint, Social Blueprint dan Economic Blueprint Wawasan Brunei 2035

Wawasan Brunei 2035 menetapkan hala tuju masa depan negara supaya Negara Brunei Darussalam akan tetap maju dan makmur seiring dengan peredaran masa. Ke arah itu, satu usaha strategik baru adalah bagi mengadakan peta jalan (*roadmap*) yang jelas bagi tindakan berjangka masa panjang kerajaan melalui penggubalan *blueprint-blueprint* Wawasan Brunei 2035 iaitu **Manpower Blueprint** bagi Matlamat 1, **Social Blueprint** bagi Matlamat 2 dan **Economic Blueprint** bagi Matlamat 3.

Jawatankuasa Kerja Wawasan Brunei 2035 telah ditubuhkan bagi setiap *blueprint*, yang antaralainnya berperanan untuk memantapkan pelaksanaan Wawasan Negara dan memastikan pelaksanaan *blueprint-blueprint* tersebut adalah selaras, sepadu dan berkesinambungan dengan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035, yang mana perkembangan yang berkaitan akan dihadapkan ke Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035. *Blueprint-blueprint* berkenaan dirangka melalui sesi perbincangan serta pendekatan bersama setiap kementerian, agensi-agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan *blueprint-blueprint* tersebut adalah *robust* dan mengambilkira maklumat dan situasi masa kini. Ini juga bertujuan untuk memastikan keutamaan dan strategi-strategi kerajaan adalah sejajar dengan *blueprint-blueprint* tersebut bagi memastikan semua pihak akan berusaha ke arah mencapai satu visi yang sama. Melalui *blueprint-blueprint* tersebut, semua pihak juga akan lebih jelas mengenai tindakan yang diperlukan dan peranan serta sumbangan masing-masing.

“

Wawasan Brunei 2035 adalah merupakan harapan tinggi rakyat dan penduduk negara ini untuk melihat tindakan-tindakan yang diambil melalui Majlis Tertinggi ini akan lebih fokus kepada kepentingan rakyat “*people-centered*”. Untuk ini kita nampak masih banyak lagi kerja yang perlu dilakukan setakat pelaksanaan inisiatif-inisiatif sahaja belumlah mencukupi. Jika tidak diikut oleh penelitian-penelitian terhadap inisiatif-inisiatif tersebut, bagaimana hasil atau keberkesanannya ia juga diharapkan untuk melihat lebih jauh lagi ke hadapan semua perancangan yang mampu membawa negara kepada perubahan-perubahan besar yang ditunggu-tunggu.

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 Kali Pertama bagi Tahun 2023 pada 30 Rejab 1444 / 21 Februari 2023

Untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan penduduk negara, semua kementerian dan agensi kerajaan berusaha keras dan bersungguh-sungguh untuk memastikan inisiatif dan program-program kerajaan adalah berkesan dan menghasilkan impak yang dihasratkan berdasarkan kepada data dan maklumat terkini. *Blueprint-blueprint* tersebut menggariskan langkah-langkah berjangka panjang yang diperlukan. Penelitian akan dibuat secara berkala berdasarkan kepada perkembangan dan tren terkini bagi memastikan negara akan sentiasa dalam landasan yang betul ke arah mencapai visi yang dihasratkan menjelang tahun 2035.

Menjayakan Matlamat 1

RAKYAT YANG BERPENDIDIKAN, BERKEMAHIRAN TINGGI DAN BERJAYA

Kejayaan dalam pendidikan merupakan salah satu pemicu utama bagi kejayaan sesebuah negara. Membangun kemampuan dan kemahiran pelajar-pelajar dari usia muda sudah setentunya akan dapat memastikan pembangunan masyarakat padu yang berkembang maju dalam persekitaran dunia yang semakin dinamik dan berkembang pantas. Bagi Wawasan Brunei 2035, pendidikan akan tetap menjadi salah satu keutamaan yang membantu memastikan matlamat pembangunan negara akan dapat direalisasikan.

“

Memandangkan pendidikan adalah suluh kepada kehidupan ini, maka ia mestilah dimartabatkan sebagai kepentingan kebangsaan yang perlu diisi. Caranya antara lain ialah dengan menyediakan kurikulum yang mempunyai objektif mewujudkan budaya pendidikan sepanjang hayat, supaya ia benar-benar mampu melahirkan masyarakat Brunei yang berilmu pada semua peringkat umur. Dalam makna lain, pendidikan kebangsaan perlulah menyediakan program-program pendidikan yang dinamik dan *forward looking* untuk menghasilkan ilmu dan kemahiran bagi keperluan-keperluan industri dan perkhidmatan-perkhidmatan tanpa membelakangi faktor-faktor nilai.

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Guru ke-13 pada 23 September 2003

Sistem pendidikan negara sentiasa akan terus dimantapkan dalam semua aspek, termasuk mengukuhkan kualiti pengajaran tenaga pengajar di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian. Tenaga pengajar yang berkualiti tinggi sudah setentunya akan dapat membawa kejayaan akademik pelajar-pelajar dan pembangunan dari segi sosial, mental, fizikal dan kognitif.

Sokongan dari pelbagai pihak amatlah diperlukan untuk mencapai hasrat ini termasuk dari para pemimpin sekolah bagi membimbing tenaga pengajar dan memastikan persekitaran sekolah akan sentiasa kondusif. Dengan adanya sumber dan bahan-bahan pengajaran yang relevan serta pembangunan profesional serta sokongan dari para ibu bapa dan masyarakat, sudah setentunya pembelajaran akan mencapai kejayaan.

Tumpuan juga akan terus diberikan kepada pembangunan kemahiran literasi dan numerasi pelajar. Pelajar-pelajar juga perlu membina kemahiran yang lebih tinggi (*higher-order skills*). Ini dapat dicapai dengan meningkatkan penyertaan pelajar di bilik darjah dalam suasana pembelajaran yang lebih efektif dan pro-aktif yang akan membantu membina kemahiran pelajar seperti kemahiran berkomunikasi, bekerja secara berkumpulan (*teamwork*) dan membina *critical thinking skills* selaras dengan keperluan abad ke-21.

Bagi kejayaan masa depan, pelajar-pelajar juga perlu dibimbing supaya mereka akan dapat berkembang maju dalam dunia yang saling berkaitan secara digital dan global. Selain daripada asas (*core foundations*), mereka juga perlu mempunyai kompetensi yang dapat membantu mereka mengharungi pelbagai situasi dan pengalaman yang berbeza. Berdasarkan kepada OECD, antaralain kemahiran masa depan (*future skills*) yang diperlukan oleh pelajar-pelajar adalah literasi data, literasi digital, *physical and mental health*, dan *social and emotional skill*.



Mengukuhkan kemahiran-kemahiran pelajar

Untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar dan ketidakpastian (*uncertainty*), sistem pendidikan perlu menjadi lebih inovatif dan kreatif dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka dengan melibatkan penggunaan teknologi moden, atau '*digital based learning*' dan '*blended learning*' iaitu satu kaedah pengajaran yang menggabungkan pembelajaran secara bersemuka (*face-to-face*) dan pembelajaran secara dalam talian (*online*).



Pembelajaran dalam talian
Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Pendidikan Ugama Islam termasuk pengukuhan pembacaan Al-Quran turut memainkan peranan amat penting dalam membina masyarakat yang berkemahiran dan berkelayakan tinggi, serta beriman dan berakhlik mulia. Penerapan nilai-nilai Ugama Islam dari usia yang muda lagi akan dapat membantu membentuk masyarakat 'Negara Zikir' yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wa Ta'alaa, bersyukur ke atas nikmat yang telah dilimpahkanNya dan menghayati ajaran-ajaran Al-Quran sebagai panduan cara hidup harian.

Hala tuju pasca-menengah juga perlu terus dipantau bagi memastikan para pelajar akan mempunyai peluang untuk melanjutkan pelajaran mengikut potensi dan keupayaan masing-masing. Perkara ini memerlukan penambahbaikan yang berterusan kepada hala tuju setiap pelajar mulai dari kemasukan di Tahun 1 persekolahan sehingga mereka tamat persekolahan; dan seterusnya masuk ke alam pekerjaan. Ini akan dapat membantu dalam memastikan tidak akan ada pelajar yang tercincir daripada persekolahan dan dukungan serta bantuan diberikan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan.

Ke arah itu, landskap pendidikan pasca-menengah akan terus diperkuuhkan dari segi penyelarasan kursus-kursus yang ditawarkan oleh institusi-institusi dengan keperluan negara. Bimbingan kerjaya yang lebih efektif juga penting bagi membantu pelajar-pelajar untuk mengenalpasti bakat dan potensi mereka. Pada masa yang sama, sistem pendidikan juga perlu memberikan fleksibiliti bagi sebarang perubahan haluan kerjaya mereka. Dengan adanya pensejajaran pendidikan hingga ke peringkat kerjaya, kemahiran tenaga kerja akan lebih menepati keperluan ekonomi dan juga dapat mengenalpasti bakat-bakat yang ada pada setiap individu agar dapat ditanai dengan sebaik-baiknya.

Dengan peralihan menuju revolusi industri seterusnya, tren menunjukkan meningkatnya keperluan kemahiran dalam bidang profesional bagi mendukung perkembangan ekonomi yang selaras dengan keperluan sumber tenaga manusia negara. Institusi pendidikan dan pusat latihan profesional memainkan peranan yang penting dan perlu giat berusaha melahirkan graduan-graduan yang berkemahiran tinggi, dan mobiliti kerja yang mampu bersaing dalam pasaran buruh.

Institusi pendidikan dan latihan sudah mula memperkenalkan kaedah *Micro-Credential* untuk kursus atau program tertentu, manakala badan pengawalselia tenaga kerja di sebilangan negara serantau menggunakan kaedah *Recognition of Prior Learning* (RPL) atau *Validation of Prior Learning* (VPL) bagi mengambilkira pengalaman seseorang individu dalam mengukur kebolehan dan kemahiran dalam satu bidang. Terdapat keperluan juga untuk memperkuuhkan penggunaan kaedah-kaedah ini bagi *standard* menilai pengalaman dan potensi kemahiran tenaga kerja. Budaya pembelajaran (*learning culture*) juga perlu dipertingkatkan dalam masyarakat ke arah penambahbaikan, pembangunan dan inovasi. Ke arah itu, faktor umur setentunya tidak akan menjadi satu halangan bagi seseorang untuk menimba ilmu pengetahuan, dan pembelajaran tidak semestinya perlu terjadi di kawasan sekolah sahaja.

“ Pelajar diasuh untuk berjaya, sebelum bangkit membina bangsa ”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Sambutan Hari Guru ke-20 Tahun 1431 Hijrah / 2010 Masihi



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Menjayakan Matlamat 2

KEHIDUPAN RAKYAT YANG BERKUALITI TINGGI

Usaha-usaha yang telah dilaksanakan adalah ke arah memastikan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini akan sentiasa dipertingkatkan dan dikemaskini selaras dengan perkembangan semasa dan keperluan masa hadapan khususnya bagi generasi akan datang. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mementingkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat dan penduduk dengan memberikan penekanan kepada aspek penjagaan kesihatan yang berkualiti; infrastruktur dan kemudahan awam seperti perumahan mampu milik; pengangkutan dan perhubungan, bekalan tenaga elektrik dan air; peningkatan keselamatan dan ketenteraman awam; penambahbaikan pemberian perkhidmatan; penjagaan alam sekitar; dan pengukuhan kesejahteraan dan perpaduan masyarakat melalui aktiviti keugamaan, kesukarelawanan, kebudayaan, kesukanan dan sebagainya.

“ Dasar yang kukuh dan sempurna mampu, untuk memungkin pembangunan, di samping juga mampu, untuk melahirkan masyarakat yang baik. Masyarakat yang baik adalah aset dan pasak bagi negara. Sifat-sifat masyarakat yang baik ialah seperti jujur, sabar, amanah dan baik hati. Daripada sifat-sifat inilah akan membawa suasana dan keadaan yang disenangi, iaitu kehidupan bersatu padu dan harmoni. Kita memerlukan perpaduan dan keharmonian, kerana daripada keduanya itulah akan lahir keamanan dan kestabilan. Keamanan dan kestabilan pula amat penting untuk pembangunan, sehingga tanpa keduanya itu, pembangunan tidak mungkin dilaksanakan. Inilah harga keamanan dan kestabilan itu. Seyogia kita semua, sama-sama memeliharanya ”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-32 pada 23 Februari 2016

Bagi tujuan itu, dalam negara giat melaksanakan usaha-usaha ke arah memastikan kualiti kehidupan sentiasa terjamin dan dipertingkatkan, beberapa keutamaan perlu diberikan perhatian, iaitu:

- Keutamaan untuk sentiasa mengambil pendekatan pembangunan kualiti kehidupan yang seimbang, inklusif, berdaya tahan dan berdaya saing yang memfokuskan kepada aspek-aspek berkaitan dengan ekuiti dan perpaduan. Ini termasuk mengenalpasti *emerging trends* serta keupayaan menangani cabaran-cabaran yang dapat menjadikan ekosistem kualiti kehidupan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.
- Kefahaman dan kesedaran yang holistik dan mendalam mengenai peranan semua pihak adalah sangat penting dalam melaksanakan penggubalan dasar-dasar negara bagi memastikan Negara Brunei Darussalam akan dapat terus maju ke arah memastikan dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk.
- Data dan teknologi memainkan peranan penting dalam usaha memberikan kesedaran dan menyelaras inisiatif-inisiatif serta dasar-dasar dalam membentuk strategi yang bersepada, termasuk memperkasa budaya inovasi di setiap peringkat organisasi dan lapisan masyarakat. Penggunaan teknologi maklumat yang semakin meluas turut mengalihkan fokus ke arah transformasi digital dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.
- Intervensi bagi individu dan masyarakat yang bersifat *targeted* dan *personalised* sangat signifikan dalam memastikan kualiti hidup rakyat dan penduduk dapat dipertingkatkan secara inklusif dan berterusan berdasarkan kepada *input* dan *outcomes*. Perkara ini penting, mengambil kira keperluan bagi menutup jurang ke arah membantu organisasi merancang dan melaksanakan intervensi yang berasaskan bukti dan program yang berkesan.

“ Bangsa merdeka,
mesti mengikuti perkembangan
dan mencipta kemajuan. Kemajuan
itu terbahagi dua: Kemajuan fizikal
dan kemajuan *spiritual*. ”

*Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Sempena Sambutan
Hari Kebangsaan Negara Brunei
Darussalam Kali Ke-37
pada 23 Februari 2021*



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Kerajaan Menteri

Menjayakan Matlamat 3

EKONOMI YANG DINAMIK DAN BERDAYA TAHAN

Kerajaan menyedari akan batas keupayaan pembangunannya yang mana penyebab utama menurunnya prestasi pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah kerana berkurangnya penghasilan pendapatan dalam Sektor Pelombongan Minyak dan Gas. Dengan erti kata lain, proses pembangunan yang bergantung pada sektor tunggal yang berdasarkan simpanan minyak dan gas mempunyai hadnya.

Di samping itu, kemunculan kejutan-kejutan (*shocks*) yang berimpak global seperti perubahan iklim sejagat yang semakin meningkat, wabak-wabak penyakit dan perubahan yang tidak dijangka di dalam pasaran-pasaran komoditi seperti pasaran minyak, emas dan komoditi perlombongan lainnya akan memberikan kesan jangka panjang ke atas kesejahteraan dan kualiti kehidupan penduduk dunia dari segi kesihatan dan sosio-ekonomi. Penanganan kesan-kesan ini akan menjadi lebih sukar jika tindakan dasar dan strategi tidak mengambilkira impak-impak kejutan ini dari permulaan ianya digubal.

Dalam jangka masa panjang, permintaan minyak dunia juga dijangka akan berkurangan mengambilkira kebanyakan negara-negara maju telah mula beralih kepada penggunaan tenaga hijau dan *renewable energy technology* seperti *electric vehicles*, *geothermal* dan tenaga solar, *hydropower* dan *biofuels* berikutan dengan impak terhadap perubahan suhu global akibat penggunaan bahan api fossil (*fossil fuel*) seperti minyak dan gas.



Penggunaan Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicles*) yang meningkat di negara-negara lain

Sumber foto: Borneo Bulletin

Persediaan-persediaan bagi menangani cabaran masa depan ini juga pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2012.

“

Kita melangkah ke tahun baru dengan azam, untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan jika ada, disamping bersedia menghadapi cabaran-cabaran mendatang yang pasti wujud. Sama ada cabaran itu bersifat dalaman atau global, kedua-duanya perlu dihadapi dengan penuh kebijaksanaan dan lapang dada.

Contoh satu cabaran besar, apabila beberapa bulan yang lalu, dunia telah dikejutkan oleh satu berita tentang hutang yang amat tinggi bagi sebilangan negara-negara maju. Impaknya, turut menjadikan ekonomi dan kewangan global semakin meruncing. Kadar hutang yang tinggi dan diluar kemampuan, bukan saja menjelaskan pertumbuhan sesebuah negara, malahan juga mampu menggugat ekonomi global. Banyak negara, termasuk negara-negara di rantau ini, turut mengalami kesannya.

Ini, jika berlarutan, boleh saja turut menjelaskan ekonomi kita sendiri yang lebih bergantung kepada industri minyak dan gas.”

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2012

Bagi menjayakan Wawasan Brunei 2035, terdapat keperluan untuk melaksanakan strategi pembangunan yang berdaya tahan, lebih-lebih lagi dengan adanya iklim ekonomi masa ini yang sangat berdaya saing dan pantas berubah.

Oleh itu, perlunya satu Model Pembangunan Ekonomi yang dapat menghasilkan ekonomi yang berdaya tahan dengan usaha sentiasa ditumpukan kepada peningkatan produktiviti dan pelaburan yang berkualiti di dalam sektor-sektor berkeutamaan, dengan meningkatkan penggunaan teknologi dan inovasi, penyelidikan dan pembangunan (*Research & Development*) dan penjanaan kegiatan ekonomi nilai tambah. Lebih utama lagi dalam usaha peningkatan ekonomi ini, khasnya di bidang jaminan makanan (*food security*), usahasama-usahasama antara pihak kerajaan dan swasta perlu terus dilaksanakan bagi menampung keperluan sendiri sekurang-kurangnya, dan dalam jangka panjang boleh dijadikan komoditi eksport bagi Negara Brunei Darussalam.

Ke arah itu, pelaksanaan *Brunei Darussalam Economic Blueprint 2020-2035* serta pengukuhan ekosistem perindustrian yang kondusif melalui peta jalan industri (*Industry Roadmap*) untuk meningkatkan kebolehlaksanaan dan daya saing sektor-sektor utama (*priority sectors*) sekaligus menjurus kepada pertumbuhan ekonomi hendaklah sentiasa berterusan dengan sokongan padu pelbagai pihak, terutama di kalangan peniaga-peniaga tempatan samada daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies, GLCs*) dan Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investments, FDIs*).

Ini akan membantu Negara Brunei Darussalam mengurangkan kebergantungan yang tinggi terhadap minyak dan gas, dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang bermanfaat dan bernilai tinggi untuk rakyat dan penduduk tempatan. Selain itu, inisiatif-inisiatif ke arah transformasi digital (*digitalization*) melalui pelaksanaan *Digital Economy Masterplan* sebagai persediaan dan landasan untuk memantapkan ekonomi digital negara ke arah IR4.0 sedang giat dilaksanakan untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Pintar serta mendorong pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

Pelaksanaan pelan-pelan induk dan strategi yang sedia ada juga hendaklah dilaksanakan secara berkesan, terutama dalam menangani isu-isu multi-sektoral yang memerlukan kerjasama erat antara pelbagai Kementerian dan agensi. Dengan bertambahnya aktiviti ekonomi, peluang-peluang pekerjaan akan dapat dijana bagi memelihara kebijakan dan memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan penduduk tempatan dan seterusnya dapat menyumbang lagi kepada pembangunan negara.

“ Kita akan terus bergerak ke arah pertumbuhan ekonomi yang mantap dan berdaya saing di samping menyedari cabaran adalah hebat berbangkit dari keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. ”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Awal Tahun Baru Masihi 2016



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

KETERSEDIAAN UNTUK MASA DEPAN

Perancangan bagi pembangunan negara perlu mengambil kira ketersediaan untuk masa hadapan (*future-ready*). Penelitian telah dijalankan ke atas tren-tren masa depan yang berpotensi mendarangkan impak besar kepada pelaksanaan dan pencapaian Wawasan Brunei 2035 terutama sekali bagi tempoh jangka masa panjang.

PENGENALAN

Di samping meneliti perkembangan masa ini, adalah perlu bagi melaksanakan analisa mengenai bidang-bidang keutamaan di masa depan dan analisa jurang terhadap pencapaian Wawasan Brunei 2035, termasuk memastikan ianya adalah selaras dengan tren-tren serantau dan antarabangsa. Pergerakan antarabangsa serta komitmen negara dalam pelbagai agenda pembangunan global, termasuk *United Nations Sustainable Development Goals* (SDGs), turut dijadikan sandaran dan diselaraskan dengan bidang-bidang yang menjadi keutamaan pada masa ini. Namun, penyelarasan mengenainya adalah juga pada mengambilkira konteks dan keperluan negara sebagaimana yang bersesuaian.

Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 menekankan kepentingan penanda aras (*benchmarking*) dan kajian strategik masa hadapan (*strategic foresight*) dalam apa jua perancangan jangka panjang menuju tahun 2035. Oleh kerana kita berhadapan dengan masa depan yang pantas berubah dan tidak menentu, kita perlu bersedia dengan menggunakan metodologi berpandangan jauh dalam penyediaan dasar-dasar dan pelan strategik bagi memastikan pelan-pelan tindakan negara akan bersedia untuk berhadapan dengan masa depan (*future ready*) dalam menghadapi *strategic surprises* dan *driving forces*.

Dengan adanya proses seumpama ini, perancangan dan penyediaan dasar-dasar serta pelan strategik pelbagai agensi akan lebih terarah dengan penggunaan sumber-sumber yang terhad dan lebih berkesan, agar ianya lebih berdaya tahan untuk kegunaan generasi pada masa depan.

TREN-TREN MASA DEPAN

Foresighting bertujuan untuk meneroka pelbagai senario masa depan yang berkemungkinan akan berlaku, dan seterusnya membolehkan perangkaan dasar dan strategi ke atas senario-senario masa depan berkenaan yang lebih *robust* dan membawa kepada hasil yang dihasratkan.

Bagi memastikan pelan untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 adalah *robust* dan negara lebih bersedia untuk menghadapi cabaran masa hadapan, beberapa tren masa depan telah dikenalpasti, termasuk beberapa aspek utama seperti berikut:

- Megatren (*Megatrends*)
- Isu-Isu Mendatang (*Emerging Issues*)

10 Megatren yang Membentuk Masa Depan Negara

Megatren yang Membentuk Masa Depan Negara

Megatren digambarkan sebagai *global forces* yang transformatif dan berskala besar, serta memberi kesan kepada landskap sosial, ekonomi, politik, persekitaran dan teknologi. Megatren terbentuk atau dapat diperhatikan selama beberapa dekad, dan bakal menentukan dunia masa depan melalui pelbagai kesan kepada aktiviti, proses dan persepsi. Berikut adalah **10 Megatren** yang telah dikenalpasti dan berpotensi untuk memberi kesan kepada Negara Brunei Darussalam:



Peralihan Kuasa Ekonomi

Kemunculan ekonomi baru boleh menyumbang kepada 50% ekonomi global menjelang 2025



Perubahan Iklim & Kekurangan Sumber

Krisis air iaitu permintaan (*demand*) air tawar akan melebihi pembekalan (*supply*) sebanyak 40% pada tahun 2030



Perubahan Demografi

Jumlah penduduk dunia terus meningkat menjadi 10 bilion pada tahun 2050 dan menua dengan jangkaan seramai 2.1 bilion adalah berumur 60 tahun dan ke atas



Urbanisasi yang Pesat

1.5 juta orang berpindah ke bandar setiap minggu, dan 66% penduduk dunia akan menetap di bandar menjelang 2050



Kebangkitan Kuasa Individu (*Rise of the Individual*)

Individu merasa lebih berkuasa, menyebabkan peningkatan dalam rasa keperluan terhadap ketelusan dan penyertaan dalam membuat keputusan sesuatu dasar



Growing Consumption

Menjelang tahun 2030, peningkatan sebanyak 2 bilion orang dengan kuasa beli yang lebih tinggi berbanding hari ini



Evolusi Masa Depan Pekerjaan

Generasi baru memasuki tenaga kerja dan generasi lama bekerja lebih lama membawa kepada perubahan model dan struktur kerja



Kecanggihan Teknologi

Teknologi yang berkembang pesat, seperti *automation* atau *Artificial Intelligence*, mewujudkan peluang baru di seluruh industri dan ekonomi



Hyper-Connectivity

Kehidupan manusia menjadi semakin digital dan menyumbang kepada perhubungan yang pesat (*hyper-connected*)



Mengubah Cabaran Kesihatan

Sains dan taraf kehidupan yang lebih baik mengurangkan penyakit berjangkit namun gaya hidup yang tidak sihat dan aktiviti pencemaran yang menjadi beban terhadap kesihatan

Isu-Isu Mendatang (*Emerging Issues*)

Definisi isu-isu mendatang atau *emerging issues* adalah 'satu konsep atau idea yang baru; isu-isu dasar awam yang berkemungkinan untuk berlaku; atau teknologi-teknologi baru yang berada di bawah radar pada masa ini, tetapi berkemungkinan untuk menjadi pemacu perubahan penting (*important drivers of change*); atau salah satu isu *mainstream* yang kritikal di masa depan'. Berikut adalah beberapa contoh **isu-isu mendatang** yang perlu diberi lebih perhatian untuk negara:

Pemimpin 'Generation Z'



Peralihan kepimpinan kepada pemimpin yang memberi inspirasi dan 'engaging' tanpa mengira umur dan latar belakang mereka

'Lights Out Manufacturing'



Kilang beroperasi secara automatik sepenuhnya, dan tidak memerlukan manusia untuk mengendalikan kilang tersebut

Tenaga Kerja 'On Demand'



Pengambilan para pekerja secara jangka pendek atau berdasarkan keperluan yang tertentu

Perhutangan Orang Muda



Orang-orang muda diperlukan untuk membuat keputusan kewangan yang lebih tinggi ('higher stakes financial decisions')

Microplastics & Nanoplastics



Peningkatan penggunaan plastik mengakibatkan kawasan 'plastic waste' yang luas terapung di laut. Ini akan berpecah menjadi 'particles' yang kecil secara beransur-ansur, mempengaruhi sistem makanan dan alam sekitar

Warisan dan Bahasa



Amalan budaya tempatan atau kraftangan tradisional mungkin lupus atau dilupakan. Sesuatu bahasa atau dialek tempatan kehilangan penutur asli terakhirnya

Pemerasan Siber ('Cyber Extortion')



Maklumat mangsa diancam untuk disiarkan, dihapuskan atau ditahan bagi mendapatkan wang pampasan. Tempat-tempat yang lebih 'vulnerable' bagi perkara ini adalah termasuk hospital

'Mass Media Social Norms'



Media massa dijadikan sebagai salah satu cara untuk mempengaruhi dan memupuk norma tingkah laku serta menyebarkan maklumat palsu, seperti berkaitan orientasi jantina dan ketergantungan emosi



BAHAGIAN 4

PENUTUP



Sumber foto: Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

KESIMPULAN

Wawasan Brunei 2035 merupakan gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bermula tahun 2008 yang telah digubal melalui dokumen Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam. Ianya merupakan aspirasi jangka masa panjang untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi; dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan menjelang tahun 2035.

Sejak penubuhan dan pelaksanaan Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 pada tahun 2016, negara telah menyaksikan hasil kejayaan atau *milestone* daripada pencapaian yang dapat dilihat dari segi peningkatan pencapaian pelajar-pelajar pada peperiksaan awam, perkembangan dalam penyediaan infrastruktur dan pemberian perkhidmatan, dan penglibatan sektor swasta di dalam kepelbagaiannya ekonomi. Dalam kehidupan dunia yang penuh dengan ketidakpastian dan landskap yang semakin berubah serta perkembangan teknologi yang

pesat, negara hendaklah sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran berkenaan.

Pada masa yang sama, nilai-nilai teras Melayu Islam Beraja yang telah dipraktikkan selama ini hendaklah berterusan dan dijadikan sebagai panduan dalam agenda pembangunan negara bagi memastikan Wawasan Negara menjadi satu warisan kepada rakyat, khususnya dalam memberi harapan dan keyakinan yang teguh untuk generasi masa depan.

Dalam perkembangan dunia yang cukup pesat dan mengambilkira pencapaian sepanjang lebih satu dekad, banyak yang dapat Negara Brunei Darussalam pelajari daripada cabaran dan persaingan yang semakin ketat. Ini terutamanya dari aspek penyediaan modal insan dan dalam menghasilkan ekonomi negara yang berdaya tahan melalui usaha-usaha pemelbaagaian ekonomi, dengan matlamat mengekalkan kualiti hidup tinggi yang dinikmati pada masa ini. Ditambah lagi dengan cabaran krisis global pandemik COVID-19 dan penurunan permintaan minyak dunia, penting bagi negara untuk sentiasa bersedia dalam memastikan kesejahteraan dan

kebijakan rakyat berterusan terjamin, termasuk memastikan jaminan makanan (*food security*) dan barang yang berkepentingan melalui kemampuan penghasilan domestik negara.

Sumber-sumber negara terutamanya sumber daya manusia yang berkualiti dan ekonomi yang resilien dan berdaya tahan sama penting untuk sentiasa berkembang dan dimajukan dengan mengambil peluang-peluang pengukuhan kedayaatahanan sosio-ekonomi negara. Ini antaranya melalui inisiatif-inisiatif penggunaan teknologi dan *digitalisation* dalam memantapkan ekonomi digital negara dan pengukuhan hubungan perdagangan serta penelitian tren-tren masa depan yang mempunyai kemungkinan impak dan kesan terhadap pembangunan negara.

Kita akan terus memastikan kesediaan negara bagi menghadapi masa depan, dengan semua pihak, dari sektor Kerajaan, sektor Swasta dan orang ramai untuk bersatu demi untuk mencapai aspirasi dan impian bersama. Semua ini adalah agar negara akan terus mengorak langkah dan tidak ketinggalan dalam persaingan ke arah kestabilan ekonomi termasuk dalam memastikan jaminan makanan (*food security*) ke arah pembangunan negara yang mampar dan kesejahteraan serta keselamatan rakyat terjamin.

Adalah diharapkan dengan kerjasama dan usaha padu daripada semua pihak dan lapisan masyarakat, pencapaian seperti yang termaktub di dalam laporan ini akan dapat terus dihasilkan dan dinikmati oleh generasi muda kini dan akan datang, serta dapat membantu dalam persediaan kita untuk mengatasi cabaran domestik dan global yang berterusan serta yang baru muncul di tahun-tahun mendatang. Oleh itu, pencejajaran berterusan dasar-dasar dan strategi-strategi ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035 hendaklah sentiasa dilaksanakan sejarah dengan perkembangan yang dihadapi. Dalam meneliti dan memantau pencapaian negara di bawah Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035 bagi putaran seterusnya, pengukur-pengukur (*indicators*) kejayaan Wawasan Negara di peringkat kebangsaan dan tindakan akan dikemaskinikan dan diselaraskan dengan *Manpower Blueprint*, *Social Blueprint* dan *Economic Blueprint*.

Kesemua itu hanya dapat dilaksanakan dengan penglibatan semua pihak untuk sama-sama meningkatkan keberkesanan dan pencejajaran inisiatif-inisiatif ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035 sebagaimana yang dijalankan dalam beberapa inisiatif seperti Dasar Perubahan Iklim, *Digital Economy Masterplan* dan *Brunei Darussalam Economic Blueprint*. Dalam mengorak dan menggerak langkah ke hadapan, sudah setentunya perkara ini mencabar, terutama sekali dari segi mengkoordinasi usaha dan memastikan momentum secara berterusan agar sumber-sumber negara sentiasa resilien, berkualiti dan berdaya tahan.

Insya Allah, semoga kita akan terus sama-sama memikul tanggungjawab ini dalam memberiga dan merealisasikan satu wawasan yang sama iaitu Wawasan Brunei 2035.



Sumber foto: Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

“ Oleh itu, semua pihak **tidaklah boleh goyang kaki** melainkan sama-sama mesti **serentak menggandakan usaha** ke arah mencapai semua sasaran yang telah ditetapkan. Pihak pelaksana **tidak boleh lemah atau semangat sejuk** untuk menghadapi sebarang cabaran. Sangat mustahak untuk diingat bahawa sebarang usaha atau kerja untuk mengurus Negara dan Kerajaan memang tidak sunyi dari cabaran.

”

*Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Semasa Mesyuarat Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035 Kali Pertama
bagi Tahun 2023 pada 30 Rejab 1444 bersamaan 21 Februari 2023*



GLOSSARI

Ageing Nation	Sebuah negara yang mempunyai peratus penduduk yang diklasifikasi sebagai ' <i>older persons</i> ' melebihi sesuatu <i>threshold</i> tertentu. Secara amnya, ' <i>older persons</i> ' adalah mereka yang berumur 60 tahun ke atas, atau 65 tahun ke atas.
Belia Negara	Belia di Negara Brunei Darussalam adalah lelaki dan perempuan yang berumur 15 ke 35 tahun. [Sumber: <i>Dasar Belia Negara</i>]
Blended Learning atau Hybrid Learning	Gabungan pengajaran bersemuka (<i>face-to-face</i>) dengan aspek pengajaran secara maya. Ini termasuk menggunakan teknik pengajaran bersemuka seperti memberikan kuliah sambil menggunakan teknologi untuk menyediakan pembelajaran <i>online</i> yang pelajar-pelajar boleh melaksanakan di rumah. [Sumber: <i>Kementerian Pendidikan</i>]
Digital Economy	Ia adalah pemboleh utama untuk memacu Negara Brunei Darussalam kepada status Negara Pintar atau <i>Smart Nation</i> . Bagi Negara Brunei Darussalam, Negara Pintar didorong oleh Kerajaan Digital (<i>Digital Government</i>), Ekonomi Digital (<i>Digital Economy</i>) dan Masyarakat Digital (<i>Digital Society</i>). [Sumber: <i>Digital Economy Masterplan 2025</i>]
Digitalisation	Menukar proses-proses kepada menggunakan teknologi digital, dan bukannya menggunakan sistem analog atau sistem <i>offline</i> seperti kertas atau papan putih.
Fiscal Consolidation	Satu program bertujuan untuk menstruktur hasil dan perbelanjaan kerajaan bagi mengembalikan kedayaatanahan bajet negara. Melalui program ini, penelitian dasar-dasar sedia ada, reformasi struktur, memperkemaskan proses pentadbiran, termasuk memperbarui perkhidmatan awam (<i>public service delivery</i>) adalah dilaksanakan. [Sumber: <i>Kementerian Kewangan dan Ekonomi</i>]
Human Development Index (HDI)	Satu indeks di bawah <i>United Nations Development Programme</i> (UNDP) yang mengukur kemajuan sebuah negara berdasarkan kepada tiga dimensi pembangunan manusianya, iaitu manusia yang sihat dan berumur panjang, berpengetahuan, dan mempunyai taraf hidup yang tinggi. [Sumber: <i>United Nations</i>]
Kebolehpasaran (employability)	Kemahiran, kecekapan (<i>competencies</i>) dan kelayakan yang meningkatkan keupayaan seseorang individu untuk menggunakan peluang pendidikan dan latihan bagi mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan, serta bagi menghadapi perubahan teknologi dan keadaan pasaran buruh. [Sumber: <i>International Labour Organisation</i>]
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK)	Ukuran bagi jumlah nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam tempoh tertentu setelah ditolak kos barang dan perkhidmatan yang digunakan dalam proses pengeluaran. [Sumber: <i>Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi</i>]
Kesaksamaan (Equality)	Setiap individu mempunyai peluang yang sama untuk memanfaatkan sepenuhnya bakat dan kehidupan mereka.

Indeks Harga Pengguna (IHP)	IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. [Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi]
Maqasid Al Syar'iyyah	Matlamat atau tujuan yang dikehendaki oleh Islam dalam menetapkan sesuatu hukum bagi menjamin maslahat umat manusia, yang mana ia menitikberatkan lima aspek utama iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.
Melayu Islam Beraja (MIB)	Falsafah negara yang diserapkan dalam pentadbiran negara dan diamalkan oleh rakyat dan penduduk dalam setiap kegiatan penghidupan saban hari. Lima nilai teras bagi orang-orang Brunei yang terdapat dalam Melayu Islam Beraja adalah: (1) Taat Setia kepada Raja dan Negara; (2) Berugama dan Berakhhlak Mulia; (3) Berbudaya dan Bersifat Mulia; (4) Mandiri, Cekal, dan Dinamik; dan (5) Harmoni dan Bersatu Padu. [Sumber: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan]
Not in Employment, Education or Training (NEET)	Belia yang berada di luar sistem pendidikan (iaitu yang bukan sedang menjalani sesuatu pendidikan), bukan dalam latihan dan bukan dalam pekerjaan.
Pasca-Menengah	Setelah pelajar-pelajar menamatkan persekolahan di peringkat menengah, mereka seterusnya berpeluang memilih program dan kaedah pembelajaran mengikut kebolehan, minat, kecenderungan dan keperluan masing-masing. [Sumber: Kementerian Pendidikan]
Pendidikan Tertiari	Satu peringkat pendidikan selepas tamat peringkat pendidikan menengah yang disediakan oleh sekolah perdagangan, kolej dan universiti melalui mahasiswa, siswazah dan program-program vokasional yang berkesudahan dengan penerimaan sijil, diploma atau ijazah akademik. [Sumber: World Bank]
Pendidikan Tinggi	Peringkat pendidikan yang setara dengan atau di atas peringkat 5 seperti yang ditakrifkan di bawah <i>Brunei Darussalam Qualification Framework</i> (BDQF).
Pembelajaran Sepanjang Hayat	Semua aktiviti pembelajaran yang dilakukan sepanjang hayat yang menghasilkan peningkatan pengetahuan, kemahiran, kecekapan dan/atau kelayakan atas sebab-sebab peribadi, sosial dan/atau profesional. [Sumber: Kementerian Pendidikan]
Peneraju Wawasan	Pihak yang berkepentingan yang diberi tanggungjawab untuk menerajui Petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicators</i>) dan inisiatif atau tindakan menurut Kerangka Kerja Wawasan Brunei 2035.
Penyakit-Penyakit Tidak Berjangkit	Penyakit-penyakit yang tidak dapat disebarluaskan seseorang kepada orang lain, seperti kanser, penyakit jantung, kencing manis, penyakit pernafasan kronik dan strok. [Sumber: Kementerian Kesihatan]

Revolusi Industri 4.0	Satu istilah dicipta atau <i>coined</i> oleh Klaus Schwab, <i>Founder</i> dan Pengerusi Eksekutif <i>World Economic Forum</i> pada tahun 2016. Ia merangkumi transformasi komprehensif dari segala aspek produksi di dunia industri melalui penggabungan antara teknologi digital dan internet dengan industri konvensional. Ini termasuk <i>nanotechnology</i> , <i>biotechnology</i> dan <i>advanced digital production technologies</i> seperti <i>3D printing</i> dan <i>artificial intelligence</i> .
Strategic Foresight	Satu disiplin yang digunakan oleh sesebuah organisasi untuk mengumpul dan memproses maklumat tentang persekitaran operasi masa depan mereka. Maklumat ini boleh termasuk, sebagai contoh, tren-tren dan perkembangan dalam persekitaran politik, ekonomi, sosial, teknologi dan undang-undang mereka. Ini juga termasuk meneroka senario-senario masa depan yang berkemungkinan untuk berlaku berdasarkan kepada maklumat-maklumat berkenaan, yang kemudiannya dapat digunakan untuk membuat keputusan yang lebih baik dan termaklum [Sumber: <i>Futures Platform</i>]
Sustainable Development Goals (SDGs)	Matlamat Pembangunan Yang Berdayatahan di bawah <i>United Nations</i> yang menggariskan 17 matlamat dan 169 sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2030 sebagai agenda demi pembangunan dan kemaslahatan manusia dan bumi.
Warga Emas	Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berumur 60 tahun dan ke atas.
Whole-of-Government Approach (WOGA)	Pendekatan yang mengintegrasikan usaha kerjasama jabatan dan agensi sesebuah kerajaan untuk mencapai perpaduan usaha ke arah matlamat bersama.
Whole-of-Nation Approach (WONA)	Pendekatan senegara yang mana semua pihak berkepentingan bekerjasama dan memainkan peranan masing-masing bagi mencapai satu visi yang sama iaitu Wawasan Brunei 2035. Pihak-pihak berkepentingan merangkumi semua lapisan masyarakat negara termasuk Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sektor swasta, Badan-Badan Bukan Kerajaan atau <i>Non-Governmental Organisations</i> (NGOs), Pemimpin-Pemimpin Akar Umbi dan orang ramai.

AKRONIM

1K1P	Satu Kampung Satu Produk
AKDT	Autoriti Kemajuan Daerah Temburong
BDFA	<i>Brunei Darussalam Food Authority</i>
BDLNNS	<i>Brunei Darussalam Literacy and Numeracy National Standard</i>
BDQF	<i>Brunei Darussalam Qualification Framework</i>
BNCCP	Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam
BTS-TPA	<i>Brunei Teacher Standard – Teacher Performance Appraisal</i>
CET	<i>Continuous Education and Training</i>
COVID-19	Penyakit Coronavirus 2019
CSDS	Cuti Sakit Disahkan Sendiri
DBNS	Dasar Belia Negara dan Strategi
FDI	<i>Foreign Direct Investment</i>
GNI	<i>Gross National Income</i>
HDI	<i>Human Development Index</i>
HSSE	<i>Health, Safety, Security and Environment</i>
IBTE	Institut Pendidikan Teknikal Brunei
ICT	<i>Information and Communication Technologies</i>
IGS	<i>International Graduate Studies College</i>
IHP	Indeks Harga Pengguna
ILO	<i>International Labour Organisation</i>
IMF	<i>International Monetary Fund</i>
IR 4.0	Revolusi Industri ke-4 atau <i>Industrial Revolution 4.0</i>
ISO	<i>International Organisation for Standardisation</i>
JAPEM	Jabatan Pembangunan Masyarakat
JCB	<i>JobCentre Brunei</i>

JCI	<i>Joint Commission International</i>
JPES	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
JPMC	Pusat Perubatan Jerudong Park
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar atau <i>Gross Domestic Product</i>
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KRK	Kompleks Rumah Kebajikan
TK	Kajian Tenaga Kerja atau <i>Labour Force Survey</i>
LKEB	Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei
LMIS	<i>Labour Market Information System</i>
LNCP	<i>Literacy and Numeracy Coaching Programme</i>
MIB	Melayu Islam Beraja
MISC	<i>Manpower Industry Steering Committee</i>
MKIS	Majlis Kebangsaan Isu Sosial
MPEC	<i>Manpower Planning and Employment Council</i>
MUIB	Majlis Ugama Islam Brunei
NCF	<i>National Competency Framework</i>
NEET	<i>Not in Employment, Education or Training</i>
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan atau <i>Non-Governmental Organisation</i>
OECD	Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan
OKU	Orang Kelainan Upaya
PEI	<i>Primary Education Initiatives</i>
PISA	<i>Programme for International Student Assessment</i>
PJSC	Pusat Pakar Pantai Jerudong
PKBN	Program Khidmat Bakti Negara
PKWE	Pusat Kegiatan Warga Emas

PMB	Pulau Muara Besar
PPP	<i>Purchasing Power Parity</i>
PSR	Penilaian Sekolah Rendah
RKPA	Rangka Kerja Perkhidmatan Awam
SAT	<i>Student Assessment Tracker</i>
SCP	<i>Supplemental Contributory Pensions</i>
SDGs	<i>Sustainable Development Goals</i>
SEI	<i>Secondary Education Initiatives</i>
SHENA	Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar
SKN	Sistem Kebajikan Negara
SPN-21	Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21
SSSRU	Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama
STPUB	Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei
TAP	Tabung Amanah Pekerja
TSB	Tenaga Suria Brunei
TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional
UBD	Universiti Brunei Darussalam
UNISSA	Universiti Islam Sultan Sharif Ali
UTB	Universiti Teknologi Brunei
UN	<i>United Nations</i>
UPK	Unit Pendidikan Khas
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>
WHO	<i>World Health Organisation</i>
WSE	<i>Whole School Evaluation</i>

PENGHARGAAN

Pejabat Wawasan Brunei ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih ke atas masa, usaha dan dedikasi yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat bagi menjayakan pembangunan dan penerbitan laporan ini, termasuk pihak-pihak seperti berikut:

- Jabatan Perdana Menteri
- Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
- Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
- Kementerian Hal Ehwal Ugama
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Kementerian Kesihatan
- Kementerian Kewangan dan Ekonomi
- Kementerian Pembangunan
- Kementerian Pendidikan
- Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
- Kementerian Pertahanan
- Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
- *Brunei Darussalam Central Bank*

Pejabat Wawasan Brunei merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sumber-sumber gambar yang telah digunakan dalam laporan ini. Gambar-gambar yang digunakan dalam laporan ini adalah diperolehi daripada sumber-sumber termasuk:

- Biz Brunei
- BruDirect
- Borneo Bulletin
- Brunei Fertilizer Industries
- Hengyi Industries
- Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri
- Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah
- Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kementerian Pendidikan
- Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- Seri Ghanimi Contractor Sdn Bhd
- The Scoop

DISCLAIMER : NO COPYRIGHT INFRINGEMENT INTENDED

Pejabat Wawasan Brunei
Jabatan Perdana Menteri
Jalan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan BB3913
Negara Brunei Darussalam

 www.wawasanbrunei.gov.bn

 [wawasanbrunei2035](#)